pilihan sebahagian ayat-ayat yang berupa
pimpinan dari:

# ALQURANUL KARIM

PUBLISHED BY
ISLAM INTERNATIONAL PUBLICATIONS LIMITED

© 1988 ISLAM INTERNATIONAL PUBLICATIONS LTD.

ISBN 1 85372 023 2

Printed by
RAQEEM PRESS
Islamabad, Sheephatch Lane, Tilford, Surrey U. K.

# PRAKATA

Sempena menyambut seratus tahun berdirinya Jemaat Ahmadiyah di semista alam, sebagai kenang-kenangan JUBLI ini, kami dengan hati yang tulus ikhlas di atas nama mereka yang telah disiksa dan dianiaya hanya disebabkan cintakan KALIMAH SYAHADAH di atas nama mereka yang telah meneguk piala KESYAHIDAN hanya disebabkan mempertahankan DUA KALIMAH SYAHADAH seperti Sayyidina Bilal rta di zaman Junjungan Nabi Besar Muhammad s.a.w., mempersembahkan pilihan sebahagian ayat-ayat yang berupa pimpinan dari ALQURANUL KARIM YANG MAHA SUCI.

## DAFTAR ISI


1. Allah s.w.t.
2. Malaikat
3. Alquran Karim.
4. Para Nabi
5. Kedudukan dan Budi Pekerti, Nabi Besar Muhammad s.a.w.
6. Ibadah . . . . . Puasa . . . . . Membelanjakan harta di jalan Allah s.w.t.
7. Mengerjakan fardu Haji . . . . . Kaabahtullah.
8. Dakwah . . . . . Tabligh . . . . . Menyampaikan seruan Ilahi.
9. Budi pekerti orang-orang mukmin.
10. Dasar iktisas di dalam Islam.
11. Jihad di dalam Islam.
12. Sifat-sifat orang mukmin.
13. Persamaan pahala amalan kaum lelaki dan kaum wanita . . . . . Hak kaum wanita.
14. Haram menjalankan wang bunga.
15. Khabar-khabar ghaib di dalam Alquran.
16. Hubungan Allah s.w.t. dengan alam sekitar. (sain)
17. Doa-doa di dalam Alquran.
18. Surah-surah pendek di dalam Alquran yang senang dihafal.

# PENDAHULUAN

Setiap ayat Alquran mempunyai erti yang terang dan mudah. Tanggapan tentang sesuatu maksudnya yang mulia, boleh diperolehi dengan senang walaupun pada kali pertama seseorang itu membacanya. Selanjutnya, setiap ayat merupai sebahagian daripada satu sistem yang unik yang mempunyai beberapa saluran dengan beberapa erti yang tersembunyi. Melalui saluran-saluran ini, isi sesuatu ayat itu mempunyai hubungan dengan ayat dan surah yang terdahulu dan terkemudian seperti keadaannya satu sistem komunikasi yang serba lengkap.

Berdasarkan kepada keadaan tersebut, dua perkara menjadi nyata:—

(a) Betapapun halusnya sesuatu terjemahan itu dibuat, ia hanya mampu menolong memberi pengertian separuh jalan sahaja kepada sebuah kitab yang sangat kaya dengan pelbagai makna seperti Alquran ini. Dan sesungguhnya adalah mustahil dapat diakui bahawa sesuatu terjemahan itu sudah sempurna untuk memberikan seseorang pembaca maksud lengkap seperti di dalam teks aslinya.

(b) Adalah sukar, dan tidak mungkin, seperti yang dikatakan di atas untuk memilih beberapa ayat Alquran mengenai sesuatu perkara dan menganggapnya sebagai sudah lengkap untuk memperkenalkan perkara berkenaan. Misalnya, jika beberapa ayat hendak dipilih untuk menerangkan Dasar Sistem Ekonomi di dalam Islam seperti yang digambarkan oleh Islam, kerja untuk memilihnya amatlah sukar, sebagaimana yang sudah diterangkan mula-mula tadi, dan juga oleh kerana falsafah sistem ekonomi Islam meliputi satu bidang yang amat luas yang tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan ekonomi.

Walau bagaimanapun, apabila kita memikirkan bahawa sebahagian besar penduduk dunia yang bercakap berbagai-bagai bahasa dan mempunyai kebudayaan dan keturunan yang berbeda masih belum berpeluang menikmati isi Kitab Suci ini, maka peri mustahaknya hal yang demikian sangatlah nyata sekali. Dan sesungguhnya adalah amat sedih sekali bahawa selama 14 abad yang lalu, terjemahan Kitab Suci Alquran ini masih belum sampai kepada 65 bahasa, sedangkan Kitab Bible telahpun diterjemahkan kepada 1808 bahasa mengikut laporan "Bible Societies".

Memandangkan hal yang demikian, Jemaat Ahmadiyah Antarabangsa telah melancarkan satu projek dengan penuh azam untuk menterjemahkan dengan seberapa lengkap Kitab Suci Alquran kepada sekurang-kurangnya 50 bahasa yang terbesar di dunia menjelang tahun 1989 nanti yang mana merupakan tahun genapnya seabad terdirinya Jemaat Ahmadiyah.

Selain dari itu usaha juga sedang dibuat untuk memperkenalkan Alquran secara berperingkat-peringkat di dalam bahasa-bahasa lain di samping menjalankan kerja-kerja penterjemahan sepenuhnya. Untuk melakukan ini dengan sempurna perkara-perkara penting telahpun dipilih dan disenaraikan bagi menyampaikan ajaran-ajaran Islam yang berupa pokok kepada pembaca-pembaca yang mempunyai pengertian yang amat sedikit atau pun langsung tiada mengenal Islam.

Kami berharap dan berdoa bahawa usaha ini, walaupun dapat menghilangkan sedikit kehausan pengetahuan, ia juga akan menggerakkan minat dan keinginan mempelajari pertunjuk yang sempurna dari Alquran — Wahyu Allah Yang Maha Lengkap.

Pemilihan ayat-ayat Alquran telah dibuat meliputi perkara-perkara yang penting ini:—

1. Allah s.w.t.
2. Malaikat.
3. Alquranul Karim.
4. Para Nabi.
5. Kedudukan dan budipekerti Nabi Besar Muhammad s.a.w.
6. Ibadah . . . . . Puasa . . . . . Membelanjakan harta di jalan Allah s.w.t.
7. Mengerjakan fardu Haji . . . . . Kaabahtullah.
8. Dakwah . . . . . Tabligh . . . . . menyampaikan seruan Allah s.w.t.
9. Budipekerti orang-orang mukmin.
10. Dasar iktisas di dalam Islam.
11. Jihad di dalam Islam.
12. Sifat-sifat orang mukmin.
13. Persamaan pahala amalan kaum laki-laki dan kaum wanita. . . Hak kaum wanita.
14. Haram menjalankan wang bunga.

15. Khabar-khabar ghaib di dalam Alquran.
16. Hubungan Allah s.w.t. dengan alam sekitar (sain).
17. Doa-doa di dalam Alquran.
18. Surah-surah pendek di dalam Alquran yang senang dihafal.

Dengan izin Allah, terjemahan-terjemahan penuh Alquran, sudahpun dapat diselenggarakan oleh Jemaat Ahmadiyah dalam bahasa-bahasa berikut:—

**Asia**

Benggali, Fiji, Urdu (bahasa kebangsaan Pakistan) Gurmukhi (bahasa kitab suci Punjabi) Hindi (bahasa kebangsaan India).

Indonesia (bahasa kebangsaan Indonesia).

**Eropah**

Danish, Belanda, Inggeris, Perancis, German, Portugis, Rusia, Swedish, Italian dan Esperanto.

**Afrika**

Fanti, Hausa, Kikuyu, Luganda, Swahili dan Yoruba.

Kami dengan sukacita lagi mengumumkan bahawa terjemahan ke dalam 20 bahasa lain hampir siap untuk dicetak. Dengan izin Allah s.w.t kami akan dapat menyampaikan tidak lama lagi. Bahasa-bahasa tersebut ialah:—

Cina, Jepun, Korea, Malayalam, Mandeli, Marathi, Pushto, Sindhi, Tamil, Telegu, Vitnam, Turki, Kanuri, Gujrati, Asami dan Aria, dan ke dalam bahasa-bahasa Eropah ialah bahasa Albania, bahasa Norway, bahasa Poland dan bahasa Sepanyol.

Sebarang pertanyaan mengenai terjemahan Alquran di dalam bahasa-bahasa tersebut bolehlah ditujukan kepada penerbit atau Pusat Jemaat Ahmadiyah tempatan di mana-mana sahaja di dunia ini.

Patut juga diambil perhatian bahawa tajuk-tajuk yang disenaraikan tidaklah merupakan teks asli Alquran. Ianya ditujukkan berasingan.

Pemilihan ayat-ayat contoh (untuk hapalan) di dalam naskah ini adalah dibuat sendiri oleh Hazrat Mirza Tahir Ahmad, Pemimpin Agung Jemaat Ahmadiyah sedunia.

hamba Allah yang lemah.

S.H. ABBASI
Vakilut Tasneef & Nazir Ashaat
LONDON

# ALLAH – TUHAN

Allah adalah nama Tuhan Yang Maha Berkuasa. Dalam Bahasa Arab, perkataan Allah tidak pernah digunakan untuk benda lain. Nama-nama Tuhan dalam bahasa-bahasa lain, hanya merupakan nama-nama sifat dan biasanya digunakan dalam erti banyak. Tetapi perkataan Allah tidak pernah diertikan demikian. Kerana ketiadaan perkataan yang sama dalam Bahasa Malaysia, maka perkataan 'ALLAH' itu dikekalkan dalam sepanjang terjemahan atau tafsiran ini.

---

Allah swt

1. *Aku baca* dengan nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ○

2. Segala puji-pujian bagi Allah Pemelihara sekelian alam.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ ○

3. Yang Maha Pemurah, Maha Penyayang.

الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ○

4. Penguasa pada hari Pembalasan.

مٰلِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ ○

5. Hanya Engkaulah yang kami sembah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan.

اِيَّاكَ نَعْبُدُ وَاِيَّاكَ نَسْتَعِيْنُ ○

6. Pimpinlah kami ke jalan yang lurus.

اِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ ○

7. Jalan mereka yang telah Kau anugerahi nikmat di atas mereka. Bukan jalan mereka

صِرَاطَ الَّذِيْنَ اَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ ۙ غَيْرِ

yang dimurkai dan bukan jalan mereka yang sesat.

الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ○

Al-Fateha. 1
1. . . . . . . . .7

الفاتحة : ١ - ٧

2. Apa yang ada diseluruh langit dan bumi menyanjungi Allah dan Dia Maha Perkasa, Maha Bijaksana.

سَبَّحَ لِلّٰهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ ○

3. Kepunyaan Dia-lah kerajaan seluruh langit dan bumi. Dia menghidupkan dan Dia mematikan dan Dia berkuasa atas segala sesuatu.

لَهُ مُلْكُ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ ۚ يُحْيِي وَيُمِيتُ ۚ
وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ○

4. Dia-lah Yang Awal dan Yang Akhir dan Yang Nyata dan Yang Sembunyi dan Dia mengetahui sepenuhnya segala sesuatu.

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ ۚ وَهُوَ
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ○

5. Dia-lah Yang menciptakan seluruh langit dan bumi dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas 'arasy. Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar daripadanya dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik ke dalamnya dan Dia berserta kamu di mana pun kamu berada dan Allah melihat segala apa yang kamu perbuat.

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ
أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ ۚ يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِي
الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ
السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۚ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا
كُنْتُمْ ۚ وَاللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ○

6. Kepunyaan Dia-lah kerajaan seluruh langit dan bumi dan kepada Allahlah segala urusan dirujukkan.

لَهُ مُلْكُ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَإِلَى اللّٰهِ
تُرْجَعُ الْأُمُورُ ○

7. Dia memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan Dia mengetahui benar segala apa yang terkandung di dalam dada.

يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ فِي
اللَّيْلِ ۚ وَهُوَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ○

8. Berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan belanjakanlah *dijalan Allah* dari apa yang

آمِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ

Dia telah menjadikan kamu pewaris di dalamnya. Maka orang-orang yang beriman dari antara kamu dan membelanjakan harta benda di jalan Allah akan memperolehi ganjaran besar.

مُّسْتَخْلَفِينَ فِيهِ ۖ فَالَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَ
أَنفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ۝
الحديد : ٢-٨

al-hadid: 57.
2. . . . . . . .8

2. Apa jua yang ada diseluruh langit dan apa jua yang ada di bumi sentiasa menyanjung Allah. Kepunyaan Dia-lah kerajaan dan kepunyaan Dia-lah segala puji, dan Dia mempunyai kekuasaan atas segala sesuatu.

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ لَهُ
الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝

3. Dia-lah yang menjadikan kamu, namun *sebahagian* di antaramu kafir dan *sebahagian* di antaramu mukmin, dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ فَمِنكُمْ كَافِرٌ وَمِنكُم مُّؤْمِنٌ ۚ
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ۝

4. Dia menciptakan seluruh langit dan bumi dengan suatu tujuan kekal dan Dia memberi kamu bentuk dan membuat bentuk mu cantik, dan kepada Dia-lah kamu kembali.

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَصَوَّرَكُمْ
فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ ۖ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ۝

5. Dia mengetahui apa jua yang ada di seluruh langit dan bumi, dan Dia mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu lahirkan, dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang *tersembunyi* di dalam dada manusia.

يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ
وَمَا تُعْلِنُونَ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ۝
التغابن : ٢-٥

taghabun: 64.
2. . . . . . . .5

96. Sesungguhnya Allah-lah Pembelah benih-benih dan biji-bijian. Dia keluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup. Itulah Allah; maka ke mana kamu dipalingkan.

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَىٰ ۖ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ
الْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ مِنَ الْحَيِّ ۚ ذَٰلِكُمُ اللَّهُ ۖ
فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ۝

97. Dia-lah yang menerbitkan subuh dan menjadikan malam untuk istirehat, dan matahari dan bulan untuk perhitungan waktu. Inilah ketentuan dari Yang Maha Perkasa, Maha Mengetahui.

فَالِقُ الْإِصْبَاحِ ۚ وَجَعَلَ اللَّيْلَ سَكَنًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ حُسْبَانًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ○

98. Dan Dia-lah yang telah menjadikan bagimu bintang-bintang supaya kamu mendapat pedoman dengan itu dalam kegelapan daratan dan lautan. Sesungguhnya telah Kami jelaskan tanda-tanda keagungan Kami bagi orang-orang yang berilmu.

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ ۗ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ○

99. Dan Dia-lah yang telah menjadikan kamu dari jiwa yang satu, kemudian bagimu adalah tempat sementara dan tempat tinggal tetap. Sesungguhnya tanda-tanda keagungan Kami telah Kami jelaskan bagi orang-orang yang mengerti.

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ فَمُسْتَقَرٌّ وَمُسْتَوْدَعٌ ۗ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَفْقَهُونَ ○

100. Dan Dia-lah yang telah menurunkan air dari awan, kemudian Kami keluarkan dengannya segala macam tumbuh-tumbuhan; lalu Kami keluarkan darinya putik yang hijau yang daripadanya Kami keluarkan biji-biji yang bersusun-susun. Dan dari pokok korma keluarlah tandan-tandan yang terjuntai-juntai. Dan *Kami jadikan pula* kebun-kebun anggur dan zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Lihatlah kepada buahnya dari *tiap-tiap pokok itu* apabila ia berbuah dan cara ranumnya. Sesungguhnya dalam yang demikian itu ada tanda-tanda keagungan Allah bagi kaum yang beriman.

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُتَرَاكِبًا ۚ وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ ۗ انْظُرُوا إِلَىٰ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ○

101. Dan mereka menjadikan Jin sebagai sekutu bagi Allah, padahal Dia menciptakan mereka; dan mereka telah mengada-adakan putra dan putri bagi-Nya tanpa pengetahuan.

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ وَخَرَقُوا لَهُ بَنِينَ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۚ

Maha Suci Dia dan Maha Luhur daripada apa yang mereka nisbahkan *kepada-Nya*

سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يَصِفُونَ ۝

الأنعام : ٩٦-١٠١

an-aam: 6
96 . . . . . . 101

256. Allah – tidak ada yang patut disembah melainkan Dia, Yang Maha Hidup, Yang berdiri Sendiri dan Pemelihara *bagi semua.* Dia tidak dapat dikuasai oleh ngantuk dan tidak pula tidur. Kepunyaan Dia-lah apa yang ada di seluruh langit dan apa yang ada di bumi. Siapakah yang berani memberi syafaat dihadirat-Nya, kecuali dengan izin-Nya. Dia mengetahui *segala* apa di hadapan mereka dan di belakang mereka dan mereka tidak dapat mencangkup sedikit juga pun dari pada ilmu-Nya melainkan apa yang Dia kehendaki. Singgahsana *ilmu*-Nya meliputi seluruh langit dan bumi, dan tidaklah memayahkan-Nya penjagaan keduanya, dan Dia Maha tinggi Maha Besar.

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا
تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا
خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ
إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ
ٱلْعَظِيمُ ۝

البقرة : ٢٥٦

al-baqarah; 2.
256

23. Dialah Allah dan tiada tuhan selain Dia. Yang Mengetahui segala yang ghaib dan yang lahir. Dia-lah yang Maha Pemurah. Maha Penyayang.

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَ
ٱلشَّهَٰدَةِ ۖ هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ ۝

24. Dia-lah Allah dan tiada tuhan selain Dia. Maha Berdaulat. Yang Maha Suci. Sumber segala kedamaian. Pelimpah keamanan. Maha Pelindung. Maha Perkasa. Maha Penakluk. Maha Agung. Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan.

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ
ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ
ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ۝

25. Dia-lah Allah. Maha Pencipta. Pembentuk segala sesuatu. Penganugerah segala ben-

هُوَ ٱللَّهُ ٱلْخَٰلِقُ ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ

tuk. Kepunyaan Dia-lah segala nama terindah. Segala sesuatu di seluruh langit dan bumi menyanjung Dia dan Dia-lah Yang Maha Perkasa. Maha Bijaksana.

al-hasyar: 59.
23 . . . . . . . 25.

الْحُسْنٰى ۚ يُسَبِّحُ لَهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَ
الْاَرْضِ ۚ وَهُوَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ ۝
الحشر : ٢٣-٢٥

## MALAIKAT

Perkataan 'malik' ( ملك ) mempunyai erti "pembawa utusan" atau "wakil". Ini menerangkan tujuan penciptaan malaikat. Mereka membawa perutusan dari Allah dan melaksanakan kehendak-Nya di dalam seluruh alam. Dengan demikian, malaikat adalah sebahagian daripada sistem yang Allah hendak laksanakan kudratNya atau kehendakNya di dalam kedua-dua alam nyata dan alam ghaib.

Di dalam alam ghaib, pengaruh malaikat adalah terus-menerus tanpa sesuatu bantuan atau agensi lain. Kufur kepada malaikat bererti menutup jalan atau pintu di mana nur Allah dapat sampai kepada manusia.

---

## MALAIKAT

2. Segala puji kepunyaan Allah Yang mencipta seluruh langit dan bumi. Zat yang menjadikan Malaikat-malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap dua bersayap tiga dan bersayap empat. Dia menambahkan kepada ciptaan-*Nya* apa yang Ia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.

al-fathir: 35.
2.

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۚ يَزِيدُ فِى ٱلْخَلْقِ مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ

فاطر : ٢

98. Katakanlah, siapa yang menjadi musuh kepada Jibrail, disebabkan dia yang telah menurunkan *Alquran* itu ke dalam hati engkau

قُلْ مَن كَانَ عَدُوًّا لِّجِبْرِيلَ فَإِنَّهُۥ نَزَّلَهُۥ عَلَىٰ

dengan izin Allah menggenapi *Kalam* yang ada sebelumnya dan pertunjuk dan khabar suka bagi orang-orang mukmin.

قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللّٰهِ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَ
هُدًى وَّبُشْرٰى لِلْمُؤْمِنِيْنَ ۝

99. Barangsiapa menjadi musuh kepada Allah dan Malaikat-malaikat-Nya dan Rasul-rasul-Nya dan Jibrail dan Mikail. Maka sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang-orang kafir itu.

مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِّلّٰهِ وَمَلٰٓئِكَتِهٖ وَ رُسُلِهٖ وَ
جِبْرِيْلَ وَ مِيْكٰلَ فَاِنَّ اللّٰهَ عَدُوٌّ
لِّلْكٰفِرِيْنَ ۝

al-baqarah: 2.
98 dan 99.

البقرة : ٩٨-٩٩

178. Bukanlah satu kebaikan kalau kamu menghadapkan muka kamu ke arah Timur atau ke arah Barat, tetapi kebaikkan ialah mereka yang beriman kepada Allah dan Hari Qiamah dan Malaikat-malaikat dan kitab dan para nabi-nabi dan kerana cinta kepada-Nya memberikan harta benda kepada ahli kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang-orang musafir dan mereka yang meminta-minta dan untuk penebus hamba sahaya dan orang-orang yang tetap mengerjakan sembahyang dan membayar zakat dan orang-orang yang menepati janji bila mereka berjanji dan pula mereka yang sabar dalam kemiskinan dan kesengsaraan dan dalam masa perang; merekalah orang-orang yang benar dalam perkataannya dan merekalah yang bertakwa.

لَيْسَ الْبِرَّ اَنْ تُوَلُّوْا وُجُوْهَكُمْ قِبَلَ
الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلٰكِنَّ الْبِرَّ مَنْ اٰمَنَ
بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ وَالْمَلٰٓئِكَةِ وَالْكِتٰبِ وَ
النَّبِيّٖنَ ۚ وَاٰتَى الْمَالَ عَلٰى حُبِّهٖ ذَوِي الْقُرْبٰى وَ
الْيَتٰمٰى وَ الْمَسٰكِيْنَ وَ ابْنَ السَّبِيْلِ ۙ وَ
السَّآئِلِيْنَ وَفِى الرِّقَابِ ۚ وَاَقَامَ الصَّلٰوةَ
وَاٰتَى الزَّكٰوةَ ۚ وَالْمُوْفُوْنَ بِعَهْدِهِمْ اِذَا
عٰهَدُوْا ۚ وَالصّٰبِرِيْنَ فِى الْبَأْسَآءِ وَالضَّرَّآءِ
وَحِيْنَ الْبَأْسِ ۗ اُولٰٓئِكَ الَّذِيْنَ صَدَقُوْا ۗ
وَاُولٰٓئِكَ هُمُ الْمُتَّقُوْنَ ۝

البقرة : ١٧٨

al-baqarah: 2
178

286. Rasul itu beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Rab-nya dan begitu juga orang-orang mukmin; semuanya beriman kepada Allah dan Malaikat-malaikat-

اٰمَنَ الرَّسُوْلُ بِمَآ اُنْزِلَ اِلَيْهِ مِنْ رَّبِّهٖ وَ
الْمُؤْمِنُوْنَ ۚ كُلٌّ اٰمَنَ بِاللّٰهِ وَمَلٰٓئِكَتِهٖ

Nya dan Kitab-kitab-Nya dan Rasul-rasul-Nya .........

وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ

البقرة : ٢٨٦

al-baqarah: 2.
286

76. Allah sentiasa memilih dari Malaikat-malaikat dan dari manusia sebagai Rasul-rasul-*Nya.* Sesungguhnya Allah Maha Mendengar. Maha Melihat.

اَللّٰهُ يَصْطَفِيْ مِنَ الْمَلٰٓئِكَةِ رُسُلًا وَّ مِنَ النَّاسِ ۚ اِنَّ اللّٰهَ سَمِيْعٌۢ بَصِيْرٌ

الحج : ٧٦

al-haj: 22.
76.

137. Wahai mereka yang *mengaku* beriman. Berimanlah kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya dan kitab yang Dia turunkan kepada Rasul-Nya dan Kitab yang telah Dia turunkan sebelumnya. Dan siapa yang ingkar kepada Allah dan Malaikat-Nya dan Kitab-kitab-Nya dan Rasul-rasul-Nya dan Hari Qiamah, *maka ketahuilah bahawa* sesungguhnya ia telah jatuh dalam kesesatan yang sesesat-sesatnya.

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْٓا اٰمِنُوْا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهٖ وَالْكِتٰبِ الَّذِيْ نَزَّلَ عَلٰى رَسُوْلِهٖ وَالْكِتٰبِ الَّذِيْٓ اَنْزَلَ مِنْ قَبْلُ ۗ وَمَنْ يَّكْفُرْ بِاللّٰهِ وَمَلٰٓئِكَتِهٖ وَكُتُبِهٖ وَرُسُلِهٖ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلٰلًا بَعِيْدًا

النسآء : ١٣٧

an-nisak: 4.
137

## KITAB SUCI AL-QURAN

Al-Quran adalah nama yang diberikan sendiri oleh Allah swt kepada kitab yang diwahyukan kepada Rasulullah saw, yang mengandungi syariat yang akhir untuk manusia. Perkataan 'quran' bererti 'kitab untuk dibaca'. Memanglah sesungguhnya, Al-Quran adalah kitab yang paling luas sekali dibaca di seluruh dunia. Perkataan ini juga bererti 'kitab' atau 'utusan' yang dikehendaki disampaikan kepada semua manusia. Kitab Quran sahajalah yang mengandungi wahyu yang tidak terbatas, sedangkan kitab-kitab lain diutuskan hanya bagi kaum atau masa yang tertentu sahaja. Kitab Quran adalah untuk semua masa, bagi semua manusia, (34:29).

---

## ALQURANUL KARIM

2. Alif Lam Mim (Akulah Allah Yang lebih Mengetahui)

الٓمٓ ۝١

3. Inilah Kitab yang sempurna, tiada suatupun keraguan di dalamnya; pertunjuk bagi orang-orang yang bertakwa.

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ ۛ فِيهِ ۛ هُدًى
لِّلْمُتَّقِينَ ۝٢

البقرة : ٢-٣

al-baqarah: 2
2 dan 3.

78. Ini sungguh Alquran yang mulia.

إِنَّهُ لَقُرْآنٌ كَرِيمٌ ۝

79. Dalam sebuah kitab terpelihara dengan baiknya.

فِي كِتَٰبٍ مَّكْنُونٍ ۝

الواقعة : ٧٨-٧٩

al-waqiah: 57
78 dan 79

4. Yang di dalamnya *terkandung* perintah-perintah kekal abadi.

فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ۝

البيّنة : ٤

al-bayyinah: 98
4

24. Allah telah menurunkan sebaik-baik firman — sebuah Kitab, *yang ayat-ayatnya* saling menguatkan *dan* diulang-ulangi *dalam bentuk macam-macam.* Kulit orang-orang yang takut kepada Allah mereka *gemetar pada waktu pembacaannya*, kemudian kulit dan kalbu mereka menjadi lembut kerana berzikir kepada Allah. Demikianlah petunjuk Allah; dengannya Dia memberi petunjuk kepada siapa yang Ia kehendaki. Dan barangsiapa diputuskan sesat oleh Allah, maka baginya tiada seorang pemberi petunjuk.

ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ ٱلْحَدِيثِ كِتَٰبًا مُّتَشَٰبِهًا مَّثَانِيَ تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودُ ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهْدِي بِهِۦ مَن يَشَآءُ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ۝

الزمر : ٢٤

az-zumur: 39
24

2. Ha Mim (Maha Terpuji, Maha Mempunyai Kemuliaan).

حمٓ ۝

3. Kami sebutkan sebagai bukti, Kitab yang terang ini.

وَٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُبِينِ ۝

4. Kami telah menjadikan *sebuah Kitab* agar seringkali dibaca, dalam bahasa yang jelas dan fasih, supaya kamu dapat memahaminya.

إِنَّا جَعَلْنَٰهُ قُرْءَٰنًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ۝

5. Dan, sesungguhnya, Alquran ini *aman*

وَإِنَّهُۥ فِيٓ أُمِّ ٱلْكِتَٰبِ

لَدَيْنَا لَعَلِيٌّ حَكِيمٌ ۝
الزخرف : ٢-٥

beserta Kami dalam Induk Kitab, sangat tinggi *dan* penuh kebijakan.

az-zurruf: 43
2 . . . . . . . .5

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ مُبَارَكٌ مُّصَدِّقُ
الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَىٰ وَ
مَنْ حَوْلَهَا ۚ
الانعام : ٩٣

93. Dan inilah sebuah Kitab *Alquran* yang mulia yang Kami turunkan, yang penuh keberkatan, yang menggenapi *Kalam* yang sebelumnya dan supaya engkau beri peringatan Ummul-Qura (penduduk Mekkah) dan mereka yang di sekitarnya.

an-aam: 6
93

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ
وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ۝
الانعام : ١٥٦

156. Dan inilah Kitab Alquran yang Kami turunkan; penuh keberkatan. Maka ikutlah kepadanya, dan bertakwalah supaya kamu dikasihani.

an-aam: 6
156

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَآءٌ وَرَحْمَةٌ
لِّلْمُؤْمِنِينَ ۙ وَلَا يَزِيدُ الظَّٰلِمِينَ إِلَّا
خَسَارًا ۝
بني اسرائيل : ٨٣

83. Dan Kami *beransur-ansur* turunkan dari Alquran, suatu yang merupakan penyembuh dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, tetapi tidaklah ia menambah kepada orang-orang yang membuat zalim melainkan kerugian.

bani-israil: 17
83

اَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ
عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَٰمَ
دِينًا ۚ
المائدة : ٤

4. . . . . . . . . . . . . . . Hari ini telah Ku-sempurnakan agamamu bagi *manfaat*-mu dan telah Ku-lengkapkan nikmat-Ku atasmu dan Ku-sukai Islam sebagai agama . . . . . . . . . . . . . . . .

al-maidah: 5
4

## NABI-NABI

Al-Quran mengesahkan bahawa Allah telah memberi petunjuk kepada setiap bangsa, dan dengan itu juga ia mengesahkan kebenaran dan keluhuran setiap nabi. Nabi-nabi telah diutus kepada kaum-kaum tertentu pada masa-masa yang tertentu untuk memimpin mereka ke jalan Allah. Nabi Muhammmad saw adalah nabi pembawa syariat yang penghabisan, dan dengan itu juga petunjuk Islam mencakupi dan melengkapi petunjuk semua kitab-kitab yang terdahulu. Kenabian masih tetap berterusan, tetapi hanya melalui Islam. Nabi-nabi yang diutuskan kemudian ini, hanyalah semata-mata untuk menyinarkan nur Nabi Muhammad saw, dan mereka tidak seorang pun akan membawa syarikat baru atau lain.

Kitab Al-Quran bukan sahaja menerangkan aspek-aspek positif kenabian, malah menggambarkan juga sifat-sifat permusuhan terhadap nabi-nabi itu. Di dalam Al-Quran, Firaun adalah contoh atau simbol permusuhan terhadap nabi-nabi.

---

## PARA NABI

76. Allah memilih Rasul-rasul-Nya dari Malaikat-malaikat dan dari Manusia. Allah Maha Mendengar Maha Melihat.

اَللّٰهُ يَصْطَفِيْ مِنَ الْمَلٰٓئِكَةِ رُسُلًا وَّمِنَ النَّاسِ ۚ
اِنَّ اللّٰهَ سَمِيْعٌ بَصِيْرٌ ۝

الحج : ٧٦

al-haj: 22
76

37. Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul kepada setiap bangsa *yang membawa*

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِيْ كُلِّ اُمَّةٍ رَّسُوْلًا اَنِ اعْبُدُوا

*perutusan dari Ku.* Sembahlah Allah dan hindarkanlah diri kamu dari mereka· yang menghalang kamu berbuat baik. Maka di antara mereka Allah memberikan pertunjuk dan diantara mereka ada yang telah dijatuhkan hukuman di dalam kesesatan. Maka oleh kerana itu melanconglah kamu ke seluruh dunia dan lihatlah apa akibat mereka yang mendustakan *para Rasul.*

اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۖ فَمِنْهُم مَّنْ هَدَى
اللَّهُ وَمِنْهُم مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۚ
فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ
عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ۝

النحل : ٣٧

an-nahal: 16
37.

31. Dan *wahai manusia, ingatlah saat itu* ketika Allah engkau berkata kepada Malaikah. "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang Khalifah di muka bumi." Malaikat berkata, "Apakah Engkau akan menjadikan di muka bumi itu orang yang membuat huru-hara dan akan menumpahkan darah, padahal kami*lah orang-orang yang* bertasbih sambil memuji Engkau dan kami*lah orang yang* menguduskan Engkau". Berkata Allah "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي
الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن
يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ
نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۖ قَالَ إِنِّي
أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ۝

البقرة : ٣١

al-baqarah: 2
31

164. Sesungguhnya Kami telah mengwahyukan kepada engkau (wahai Muhammad) sebagaimana Kami telah mengwahyukan kepada Nuh dan Nabi-nabi sesudahnya dan telah Kami wahyukan kepada Ibrahim dan Ismail dan Ishak dan Yaakup dan anak *cucunya* dan Isa dan Ayyub dan Yunus dan Harun dan Sulaiman dan Kami telah berikan Zabur kepada Daud.

إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَىٰ نُوحٍ وَ
النَّبِيِّينَ مِن بَعْدِهِ ۚ وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَ
إِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَ
عِيسَىٰ وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ وَهَارُونَ وَسُلَيْمَانَ ۚ
وَآتَيْنَا دَاوُودَ زَبُورًا ۝

165. Dan *ada* beberapa Rasul yang Kami

وَرُسُلًا قَدْ قَصَصْنَاهُمْ عَلَيْكَ مِن قَبْلُ

khabarkan kepada engkau sebelum ini dan *ada pula* beberapa Rasul yang tidak Kami khabarkan kepada engkau dan Allah telah bercakap-cakap secara istimewa dengan Musa.

وَرُسُلًا لَّمْ نَقْصُصْهُمْ عَلَيْكَ ۚ وَكَلَّمَ
اللَّهُ مُوسَىٰ تَكْلِيمًا ○

النساء : ١٦٤-١٦٥

an-nisak: 4
164 dan 165.

125. Dan *ingatlah* ketika Ibrahim diuji oleh Allahnya dengan beberapa titah, lalu dipenuhi semuanya. Dia berfirman "Sesungguhnya Aku hendak mengangkat engkau sebagai Imam bagi manusia." Ibrahim berkata, *"Mohon anak-cucuku juga jadikan Imam."* Berfirman Dia, "Janji-Ku tidak mengenai orang-orang yang zalim."

وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ
فَأَتَمَّهُنَّ ۖ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ
إِمَامًا ۖ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِي ۖ قَالَ لَا يَنَالُ
عَهْدِي الظَّالِمِينَ ○

البقرة : ١٢٥

al-baqarah: 2
125

88. Dan sesungguhnya Kami telah anugerahkan Kitab kepada Musa dan Kami ikuti Rasul-rasul *yang Kami kenal* di belakangnya dan Kami anugerahkan Isa anak Maryam tanda-tanda keagungan Allah yang nyata dan Kami perkuat dia dengan Ruhul Qudus, *tetapi semuanya ditentang olehmu*. Bila masa sahaja datang kepadamu seorang Rasul yang tidak sesuai dengan nafsumu, kamu menyombong, maka sebahagian *nabi* kamu dustakan dan sebahagian lagi kamu bunuh.

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِن
بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ ۖ وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ
مَرْيَمَ الْبَيِّنَاتِ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ ۗ
أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَىٰ
أَنفُسُكُمُ اسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَ
فَرِيقًا تَقْتُلُونَ ○

البقرة : ٨٨

al-baqarah: 2
88

91. Dan Kami seberangkan Bani Israil dari laut dan Firaun dan lashkar-lashkarnya mengejar mereka dengan maksud jahat dan permusuhan. Hingga apabila mati telah menyegap dia, Firaun berkata "Aku beriman bahawasanya tidak ada yang patut disembah me-

وَجَاوَزْنَا بِبَنِي إِسْرَائِيلَ الْبَحْرَ
فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ وَجُنُودُهُ بَغْيًا وَ
عَدْوًا ۖ حَتَّىٰ إِذَا أَدْرَكَهُ الْغَرَقُ قَالَ آمَنتُ

lainkan Dia Yang Bani Israil imani dan aku adalah dari orang-orang yang patuh kepada-Nya."

أَنَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا الَّذِيٓ ءَامَنَتْ بِهِۦ بَنُوٓا إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ۝

92. Sekarang baru engkau beriman, sedangkan dahulu engkau menentang dan membuat huru-hara.

ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ عَصَيْتَ قَبْلُ وَكُنتَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ ۝

93. Pada hari itu dengan keteguhan wujud engkau, kau akan mendapat najad supaya bagi mereka yang akan datang di kemudian akan menjadi satu tanda keagungan Allah bagi mereka dan sesungguhnya kebanyakan manusia tidak mengetahui tanda-tanda keagungan Kami.

فَالْيَوْمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ لِتَكُونَ لِمَنْ خَلْفَكَ ءَايَةً ۚ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ عَنْ ءَايَٰتِنَا لَغَٰفِلُونَ ۝

يونس : ٩١-٩٢

Yunus: 10
91, 92, 93.

17. Dan beritahu cerita tentang Maryam yang termaktub di dalam Kitab ini khasnya apabila dia meninggalkan keluarganya dan pergi ke satu tempat di bahagian Timur.

وَاذْكُرْ فِي الْكِتَٰبِ مَرْيَمَ إِذِ انتَبَذَتْ مِنْ أَهْلِهَا مَكَانًا شَرْقِيًّا ۝

18. Maka dia mengadakan satu tabir di antaranya dengan keluarganya. Lalu Kami mengutus Roh Kami (Jibrail) berupa manusia yang tegap.

فَاتَّخَذَتْ مِن دُونِهِمْ حِجَابًا فَأَرْسَلْنَآ إِلَيْهَا رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرًا سَوِيًّا ۝

19. *Maryam* berkata aku memohon perlindungan dari Ar-Rahman terhadap engkau, sekiranya engkau punyai takwa sedikit sahaja.

قَالَتْ إِنِّيٓ أَعُوذُ بِالرَّحْمَٰنِ مِنكَ إِن كُنتَ تَقِيًّا ۝

20. Malaikah itu berkata. Aku seorang utusan Allah untuk menganugerahkan engkau seorang anak laki-laki suci.

قَالَ إِنَّمَآ أَنَا۠ رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَٰمًا زَكِيًّا ۝

21. *Maryam* berkata, bagaimana aku akan mendapat anak, sedangkan tidak seorang lelaki menyentuh aku dan tidak aku membuat jahat.

قَالَتْ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَٰمٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِي بَشَرٌ وَلَمْ أَكُ بَغِيًّا ۝

22. Malaikat itu menjawab, memang benar apa yang kau katakan. Rab kau berkata perkara itu mudah bagi-Ku dan anak itu akan menjadi satu tanda keagungan Allah bagi manusia dan Rahmat dari Kami dan perkara ini telah termaktub di dalam Takdir Ilahi.

قَالَ كَذَٰلِكِ ۚ قَالَ رَبُّكِ هُوَ عَلَيَّ هَيِّنٌ ۚ وَ
لِنَجْعَلَهُ آيَةً لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِّنَّا ۚ وَكَانَ أَمْرًا
مَّقْضِيًّا ○

23. Maka Maryam mengandung dan kandungan itu dibawa pergi ke tempat yang jauh.

فَحَمَلَتْهُ فَانتَبَذَتْ بِهِ مَكَانًا قَصِيًّا ○

24. Maka sakit untuk melahirkan memaksa Maryam duduk di bawah pokok sebatang kurma, lalu Maryam berkata wahai sakitnya, lebih baik aku mati sebelum ini atau aku menjadi satu benda yang dilupakan.

فَأَجَاءَهَا الْمَخَاضُ إِلَىٰ جِذْعِ النَّخْلَةِ ۚ قَالَتْ
يَا لَيْتَنِي مِتُّ قَبْلَ هَٰذَا وَكُنتُ نَسْيًا
مَّنسِيًّا ○

25. Maka satu seruan dari bahagian bawah menyeru jangan engkau berdukacita Allah engkau telah menyediakan mata air di situ.

فَنَادَاهَا مِن تَحْتِهَا أَلَّا تَحْزَنِي قَدْ جَعَلَ
رَبُّكِ تَحْتَكِ سَرِيًّا ○

26. Dan goncanglah pokok korma itu ke arah engkau ia akan menggugurkan buah korma yang ranum.

وَهُزِّي إِلَيْكِ بِجِذْعِ النَّخْلَةِ تُسَاقِطْ عَلَيْكِ
رُطَبًا جَنِيًّا ○

27. Makan dan minum serta sejukkanlah matamu dan sekiranya kau melihat seseorang datang kepada engkau, maka katakan kepadanya, aku telah bernazar kepada Ar-Rahman satu puasa bahawa aku tidak akan bercakap-cakap dengan sesiapa pada hari ini.

فَكُلِي وَاشْرَبِي وَقَرِّي عَيْنًا ۚ فَإِمَّا تَرَيِنَّ
مِنَ الْبَشَرِ أَحَدًا ۙ فَقُولِي إِنِّي نَذَرْتُ
لِلرَّحْمَٰنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ الْيَوْمَ إِنسِيًّا ○

28. Maka Maryam menggendong anaknya pergi kepada keluarganya. Mereka berkata Wahai Maryam engkau telah membawa perkara yang ganjil.

فَأَتَتْ بِهِ قَوْمَهَا تَحْمِلُهُ ۖ قَالُوا يَا مَرْيَمُ
لَقَدْ جِئْتِ شَيْئًا فَرِيًّا ○

29. Wahai kakak Harun. Ayah kau bukan orang jahat dan Ibu kau bukan perempuan pelacur.

يَا أُخْتَ هَارُونَ مَا كَانَ أَبُوكِ امْرَأَ سَوْءٍ وَمَا
كَانَتْ أُمُّكِ بَغِيًّا ○

30. Maka Maryam menunjuk kepada bayinya. Mereka berkata bagaimana kami akan bercakap dengan bayi yang masih di dalam buaian.

فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ ۖ قَالُوا كَيْفَ نُكَلِّمُ مَن كَانَ
فِي الْمَهْدِ صَبِيًّا ۝

31. Dan Isa berkata, aku adalah hamba Allah. Dia telah menganugerahkan kepada aku Kitab dan menjadikan aku Nabi.

قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ آتَانِيَ الْكِتَابَ وَجَعَلَنِي
نَبِيًّا ۝

32. Dan Dia memberikan berkat di mana aku berada dan Dia memerintahkan aku untuk mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selama aku masih hidup.

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنتُ وَأَوْصَانِي
بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ۝

33. Dan berbakti terhadap ibuku dan Dia tidak jadikan aku orang yang sombong dan sial.

وَبَرًّا بِوَالِدَتِي وَلَمْ يَجْعَلْنِي جَبَّارًا شَقِيًّا ۝

34. Dan selamat di atas hari jadi ku dan pada hari aku mati dan *selamat-sejahtera atasku* pada hari aku akan dibangkitkan *di hari kiamat nanti.*

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدتُّ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ
أُبْعَثُ حَيًّا ۝

35. Inilah Isa anak Maryam yang Kami ceritakan secara yang benar di mana mereka meraguinya.

ذَٰلِكَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ ۚ قَوْلَ الْحَقِّ الَّذِي فِيهِ
يَمْتَرُونَ ۝

Maryam: 19
17 . . . . . .35.

مريم : ١٧ - ٣٥

82. Dan ingatlah ketika Allah membuat perjanjian dari Ahli Kitab melalui Nabi-nabi bahawa "apa sahaja yang Ku anugerahkan kepadamu daripada Kitab dan Hikmah, kemudian *datang* kepadamu seorang Rasul yang menggenapi wahyu yang ada padamu, maka haruslah kamu beriman kepadanya dan haruslah kamu membantunya". Dia berfirman lagi "Adakah kamu mengakui dan mengambil tanggungjawab yang Ku bebankan kepadamu mengenai

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّينَ لَمَا
آتَيْتُكُم مِّن كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ
رَسُولٌ مُّصَدِّقٌ لِّمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِ
وَلَتَنصُرُنَّهُ ۚ قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَىٰ
ذَٰلِكُمْ إِصْرِي ۖ قَالُوا أَقْرَرْنَا ۚ قَالَ

perkara itu?" mereka menjawab "Kami akui" Dia berfirman "Kini hendaklah kamu menjadi saksi dan Aku pun besertamu termasuk orang-orang yang menjadi saksi."

ali-imran: 3
82

فَاشْهَدُوْا وَاَنَا مَعَكُمْ مِّنَ الشّٰهِدِيْنَ ۝

اٰل عمران : ٨٢

8. Dan ingatlah ketika kami membuat perjanjian mereka dari para Nabi mereka itu dan dari engkau, dan dari Nuh dan Ibrahim, dan Musa, dan Isa anak Maryam dan sesungguhnya Kami pernah membuat perjanjian yang padat dari mereka itu.

al-ahzab: 33
8

وَاِذْ اَخَذْنَا مِنَ النَّبِيّٖنَ مِيْثَاقَهُمْ وَمِنْكَ وَ
مِنْ نُّوْحٍ وَّاِبْرٰهِيْمَ وَمُوْسٰى وَعِيْسَى ابْنِ مَرْيَمَ
وَاَخَذْنَا مِنْهُمْ مِّيْثَاقًا غَلِيْظًا ۝

الاحزاب : ٨

## NABI MUHAMMAD SAW

Nabi saw dilahirkan di Makkah dalam bulan Ogos 570 Masehi. Beliau diberi nama Muhammad yang bererti 'Yang Dipuji'. Setelah mencapai umur 30 tahun, kecintaannya terhadap Allah swt semakin menjadi-jadi. Perasaannya yang sangat kuat terhadap penyembahan berhala dan pelbagai maksiat yang dilakukan oleh penduduk-penduduk Makkah, menyebabkan beliau selalu mengasingkan dirinya untuk bertafakkur di sebuah gua yang terletak sejauh 2 atau 3 batu. Apabila umurnya mencapai 40 tahun, dia telah menerima wahyu Allah yang pertama di situ. Di dalam wahyu ini, yang merupakan ayat-ayat Quran yang pertama (96:2-6), dia diperintahkan supaya mengisytiharkan nama Tuhan Yang Satu, Tuhan yang menciptakan manusia, dan menanamkan kecintaanNya di dalam dirinya dan juga kecintaan manusia sesama manusia. Wahyu itu juga mengkhabarkan bahawa seluruh dunia akan diajar pelbagai ilmu pengetahuan melalui mata pena atau penulisan. Ayat-ayat tersebut juga merupakan satu ikhtisar atau ringkasan Al-Quran.

---

## KEDUDUKAN dan BUDI PEKERTI NABI BESAR MUHAMMAD s.a.w.

46. Wahai Nabi (Muhammad) sesungguhnya *Kami* telah mengutus engkau sebagai saksi dan pembawa khabar suka dan pemberi peringatan.

يٰٓأَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّآ أَرْسَلْنٰكَ شٰهِدًا وَّمُبَشِّرًا وَّنَذِيرًا ۝

47. Dan juga sebagai penyeru kepada Allah dengan perintahnya dan sebagai sang suria

وَّدَاعِيًا إِلَى اللّٰهِ بِإِذْنِهِ

وَسِرَاجًا مُّنِيرًا ۝

yang memancarkan cahaya.

وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُم مِّنَ اللَّهِ
فَضْلًا كَبِيرًا ۝

الاحزاب : ٤٦-٤٨

48. Dan beri khabar suka kepada orang-orang mukmin, bahawa bagi mereka akan dilimpahkan kurnia yang besar dari Allah.

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ
جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ
لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ ۖ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَ
رَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَ
كَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ۝

الاعراف : ١٥٩

159. Katakanlah (wahai Muhammad) Hai manusia "sesungguhnya aku adalah Rasul Allah kepada kamu sekelian Yang menguasai semua Kerajaan di langit dan di Bumi. Tidak ada yang layak disembah melainkan Dia. Dia-lah yang menghidupkan dan Dia-lah yang mematikan. Maka berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya (Muhammad). Nabi yang Ummi, yang beriman kepada Allah dan segala Kalimat-kalimat-nya, dan ikutilah dia supaya kamu mendapat pertunjuk.

al-a'raf: 7
159

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَ
نَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ۝

سبا : ٢٩

29. Dan Kami tidak mengutus engkau melainkan sebagai pembawa khabar suka dan pemberi peringatan untuk segenap manusia, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

as-saba: 34
29

وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ۝

4. Dan sesungguhnya, bagi engkau ada ganjaran tanpa putus.

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ۝

القلم : ٤-٥

5. Dan sesungguhnya, engkau benar-benar memiliki tingkah laku yang maha luhur.

al-qalam: 68
4 dan 5

41. Muhammad bukan bapak kepada salah seorang dari antara kaum laki-lakimu, akan tetapi *dia adalah* Rasul Allah dan mohor sekelian Nabi-nabi, dan Allah itu Maha Mengetahui segala sesuatu.

al-ahzab: 33
41

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن
رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ۝

الاحزاب : ٤١

22. Sesungguhnya kamu dapati suri teladan yang sebaik-baiknya dalam peribadi Rasulullah, bagi orang-orang yang mengharapkan *pertemuan dengan* Allah dan hari kiamat dan terus mengingati Allah.

al-ahzab: 33
22

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ
حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۝

الاحزاب : ٢٢

57. Sesungguhnya Allah mengirimkan rahmat-Nya kepada Nabi (Muhammad) ini dan para Malaikah-Nya mendoakan dia. Wahai orang-orang mukmin! Kamu *pun harus* mengirimkan selawat atas dia dan sampaikan salam kepadanya dengan doa keselamatan.

al-ahzab: 33
57.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَٰئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ ۚ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۝

الاحزاب : ٥٧

29. Dia-lah Zat Yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad) dengan pertunjuk dan Agama yang benar, supaya dengan Agama itu dia boleh mengalahkan agama-agama yang lain dan memadailah Allah sebagai saksi.

30. Muhammad adalah Rasul Allah. Dan orang-orang besertanya sangat keras terhadap orang-orang kafir, *tetapi* lembut di antara mereka sendiri. Engkau melihat mereka rukuk dan sujud dalam sembahyang mencari kurnia dan keredaan-Nya. Ciri-ciri pengenal-

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ اللَّهِ ۚ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ
عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ ۖ تَرَاهُمْ رُكَّعًا
سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا ۖ
سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ ۚ
ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَاةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِي

an mereka terdapat pada wajah mereka dari bekas-bekas sujud. Demikianlah gambaran tentang mereka dalam Taurat dan gambaran tentang mereka dalam Injil. Adakah laksana tanaman yang mengeluarkan tunasnya, kemudian *tunas* itu menjadi kukuh, dan berdiri mantap pada batangnya, menyenangkan penanam-penanamnya, supaya Dia membangkitkan amarah orang-orang kafir kerana *menyaksikan* mereka itu. Allah telah menjanjikan kepada orang-orang dari antara mereka yang beriman dan berbuat amal saleh ampunan dan ganjaran yang besar.

الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآزَرَهُ
فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِ يُعْجِبُ
الزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ ۗ وَعَدَ اللَّهُ
الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ
مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ○

الفتح : ٣٠

al-fatah: 48
29 dan 30.

32. Katakanlah. Jika kamu mencintai Allah, maka ikutlah aku, *kemudian* Allah *pun* akan mencintaimu dan akan mengampuni akan dosa-dosamu. Dan Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي
يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَاللَّهُ
غَفُورٌ رَحِيمٌ ○

33. Katakanlah. Taatlah kepada Allah dan Rasul-*Nya*; kemudian jika mereka berpaling, maka *ketahuilah, bahawa* sesungguhnya Allah tidak mencintai orang-orang kafir.

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ ۖ فَإِنْ تَوَلَّوْا
فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ ○

آل عمران : ٣٢-٣٣

ali-imran: 3
32 dan 33.

68. Wahai Rasul (Muhammad) sampaikanlah apa yang diturunkan kepada engkau dari Rabmu, dan jika engkau tidak kerjakan *yang demikian*, maka sekali-kali tidaklah engkau sampaikan Amanah-Nya. Dan Allah akan melindungi engkau dari *serangan* manusia. Sesungguhnya Allah tidak akan memberi pertunjuk kepada kaum kafir *ke arah kebahagiaan.*

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ
رَبِّكَ ۖ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ ۚ
وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي
الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ○

المائدة : ٦٨

al-maidah: 5
68

## SOLAT ATAU SEMBAHYANG

Solat adalah tiang atau rukun Islam yang kedua, yang mana keimanan kepada ketauhidan Allah merupakan rukun yang pertama. Sembahyang adalah cara yang paling mujarab bagi seseorang manusia untuk menguatkan perhubungannya dengan Tuhan atau untuk merapatkan dirinya kepadaNya. Ia merupakan satu fenomena atau kejadian yang sangat dinamik. Allah mendengar dan menyambut solat itu. Konsep solat dalam Islam merupakan hubungan terus dan curahan kalbu seseorang hambaNya ke Hazrat Allah swt, dengan penuh keyakinan akan KemuliaanNya, rahmatNya serta kekuatanNya. Solat tidak memerlukan sesuatu perantaraan di antara hamba dan PenciptaNya.

---

## IBADAH SEMBAHYANG PUASA MEMBELANJAKAN HARTA DI JALAN ALLAH

**Ibadah sembahyang**

6. Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya beribadah kepada Allah dengan tulus ikhlas dalam ketaatan kepadaNya *dan* dengan lurus, serta mendirikan sembahyang dan membayar zakat. Dan itulah agama yang benar.

al-bayyinah: 98
6

وَمَآ أُمِرُوٓا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللّٰهَ مُخْلِصِيْنَ لَهُ
الدِّيْنَ ۙ حُنَفَآءَ وَ يُقِيْمُوا الصَّلٰوةَ وَ
يُؤْتُوا الزَّكٰوةَ وَذٰلِكَ دِيْنُ الْقَيِّمَةِ ۝

البيّنة : ٦

51. Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُوْنِ ○

الذّٰريٰت : ٥٧

az-zurriat: 57
51

79. Dirikanlah sembahyang ketika matahari tergelincir hingga malam gelap dan bacalah *Alquran* di waktu sembahyang subuh, kerana membaca *Alquran* di waktu subuh kabul di sisi Allah.

أَقِمِ الصَّلٰوةَ لِدُلُوْكِ الشَّمْسِ إِلٰى غَسَقِ الَّيْلِ
وَقُرْاٰنَ الْفَجْرِ ۖ إِنَّ قُرْاٰنَ الْفَجْرِ كَانَ
مَشْهُوْدًا ○

80. Dan *sebahagian di waktu* malam setelah tidur bangunlah untuk mengerjakan sembahyang tahajjud, sembahyang ini adalah nafal bagimu. Dengan sembahyang itu kemungkinan Allah akan meletakkanmu di tempat yang terpuji.

وَمِنَ الَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهٖ نَافِلَةً لَّكَ ۖ عَسٰى
أَنْ يَّبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُوْدًا ○

بنى اسرآءيل : ٧٩ - ٨٠

bani-israil: 17
79 dan 80.

239. Peliharalah semua sembahyang dan sembahyang pertengahan, dan berdirilah di hadapan Allah dengan patuh.

حَافِظُوْا عَلَى الصَّلَوٰتِ وَالصَّلٰوةِ الْوُسْطٰى ۚ
وَقُوْمُوْا لِلّٰهِ قٰنِتِيْنَ ○

البقرة : ٢٣٩

al-baqarah: 2
239

# PUASA

Di dalam Al-Quran, puasa telah ditentukan dari waktu fajar hingga terbenam matahari dalam bulan Ramadhan. Ia merupakan satu latihan untuk menyuburkan ketakwaan, dan memudahkan jalan bagi seseorang yang ingin meninggikan keruhaniannya. Seseorang yang berpuasa menjadi sedar tentang segala rahmat Ilahi, dan ibadat puasa membantu seseorang itu menggunakan segala rahmat-rahmat itu dengan berfaedah.

---

### Puasa

184. Wahai mereka yang beriman, diwajibkan di atasmu berpuasa sebagai mana telah diwajibkan di atas orang-orang sebelummu, supaya kamu terpelihara *dari kelemahan-kelemahan kerohanian dan budi pekerti.*

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ
كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَتَّقُونَ ۝

185. *Puasa yang diwajibkan itu terdiri dari* beberapa hari yang ditentukan bilangannya, maka siapa di antara kamu yang sakit atau di dalam perjalanan, maka *berpuasalah* ia sebanyak itu pada hari-hari yang lain, dan bagi mereka yang sanggup berpuasa *hanya* dengan susah payah diwajibkan membayar fidiah iaitu memberi makanan seorang miskin. Dan

أَيَّامًا مَّعْدُودَٰتٍ ۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا
أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۚ وَعَلَى
ٱلَّذِينَ يُطِيقُونَهُۥ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ۖ

فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُۥ ۚ وَأَنْ
تَصُومُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ○

البقرة : ١٨٤-١٨٥

barangsiapa membuat kebaikan dengan rela hati, maka itu lebih baik baginya. Dan bahawa kamu berpuasa lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.

al-baqarah: 2
184 dan 185.

# BERBELANJA DI JALAN ALLAH

Cukai yang dituntut dalam Al-Quran menyatakan tujuannya di dalam namanya sendiri yang disebut sebagai 'Zakat'. Perkataan zakat bererti "yang membersih dan menjaga". Dengan menolak bahagian untuk masyarakat dari sesuatu kekayaan, maka bakinya kepada yang empunya telah dibersihkan untuk kegunaannya sendiri. Dan dengan menggunakan bahagian yang dicukai itu untuk kepentingan masyarakat maka kebajikan mereka telah dijaga. Zakat adalah Rukun Islam yang ketiga. Dengan demikian ia menunjukkan kepentingannya di dalam tanggungjawab seseorang kepada sesama manusia lain.

---

**Membayar zakat**
**(khidmat terhadap orang miskin)**

44. Dan tetaplah mendirikan sembahyang dan bayarlah zakat dan tunduklah benar-benar *kepada Allah* bersama orang-orang yang tunduk.

al-baqarah: 2
44

وَأَقِيمُوا الصَّلٰوةَ وَآتُوا الزَّكٰوةَ وَ
ارْكَعُوْا مَعَ الرّٰكِعِيْنَ ○

البقرة : ٤٤

39. Maka hendaklah engkau berikan kepada ahli kerabat haknya dan kepada si miskin dan kepada orang musafir. Yang demikian itu paling baik bagi orang-orang yang mencari keredaan Allah. Dan mereka itulah orang-orang yang akan memperolehi kebahagiaan.
ar-rum: 30
*39*

فَآتِ ذَا الْقُرْبٰى حَقَّهُ وَالْمِسْكِيْنَ وَابْنَ
السَّبِيْلِ ۚ ذٰلِكَ خَيْرٌ لِّلَّذِيْنَ يُرِيْدُوْنَ
وَجْهَ اللّٰهِ ؗ وَأُولٰٓئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُوْنَ ○

الروم : ٣٩

20. Dan dalam harta benda mereka ada hak bagi mereka yang meminta pertolongan dan bagi mereka yang tidak mahu meminta.

وَفِيٓ أَمۡوَٰلِهِمۡ حَقّٞ لِّلسَّآئِلِ وَٱلۡمَحۡرُومِ ۝

الذّٰريٰت : ٢٠

Az-zurriat: 51
20

25. Dan mereka yang dalam harta-bendanya ada hak yang dimaalumi.

وَٱلَّذِينَ فِيٓ أَمۡوَٰلِهِمۡ حَقّٞ مَّعۡلُومٞ ۝

26. Untuk mereka yang meminta pertolongan dan yang tidak mahu meminta.

لِّلسَّآئِلِ وَٱلۡمَحۡرُومِ ۝

المعارج : ٢٥-٢٦

al-maarij: 70
25 dan 26

60. Sedekah-sedekah itu hanyalah untuk orang-orang miskin dan orang-orang fakir dan bagi mereka yang mengurusnya dan orang-orang yang hatinya *dimaksud untuk* dipikat dan untuk *membebaskan* tawanan dan untuk mereka yang berhutang dan *untuk* pejuang-pejuang di jalan Allah dan orang-orang musafir, *yang demikian* itu ketetapan dari Allah, dan Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana.

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَ
ٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي
ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَ
ٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٞ ۝

التوبة : ٦٠

al-taubah: 9.
60

**Membelanjakan harta di jalan Allah**

255. Wahai orang-orang yang beriman. Belanjakanlah sedapat-dapatnya dari apa yang telah direzekikan kepada kamu, sebelum datang hari yang tak ada jualbeli di dalamnya dan tidak ada pula persahabatan dan tidak pula syafaat dan mereka yang ingkar terhadap *perintah ini,* itulah orang-orang zalim *terhadap dirinya sendiri.*

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنفِقُواْ مِمَّا
رَزَقۡنَٰكُم مِّن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَ يَوۡمٞ لَّا بَيۡعٞ
فِيهِ وَلَا خُلَّةٞ وَلَا شَفَٰعَةٞۗ وَٱلۡكَٰفِرُونَ
هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ۝

البقرة : ٢٥٥

al-baqarah: 2
255

262. Misal *perbuatan* orang-orang yang membelanjakan harta bendanya di jalan Allah adalah seumpama tujuh jerami, pada setiap jerami ada seratus bijik. Dan Allah melipat gandakan *lebih dari itu* bagi siapa yang Dia sukai dan Allah Maha Luas *Pemberian*-Nya, Maha Mengetahui.

مَثَلُ الَّذِيْنَ يُنْفِقُوْنَ اَمْوَالَهُمْ فِيْ سَبِيْلِ
اللّٰهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ اَنْۢبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ
فِيْ كُلِّ سُنْۢبُلَةٍ مِّائَةُ حَبَّةٍ ۗ وَ اللّٰهُ
يُضٰعِفُ لِمَنْ يَّشَاۤءُ ۗ وَاللّٰهُ وَاسِعٌ عَلِيْمٌ ۝

263. Orang-orang yang membelanjakan hartabenda mereka di jalan Allah, lalu mereka tidak iringi apa-apa yang mereka belanjakan itu dengan menyebut-nyebut jasa dan tidak *pula* dengan menyakiti hati bagi mereka, ada ganjaran di sisi Allah mereka, dan tidak ada ketakutan menimpa mereka *tentang apa yang akan datang* dan tidak pula mereka akan berdukacita *mengenai apa yang sudah lampau.*

اَلَّذِيْنَ يُنْفِقُوْنَ اَمْوَالَهُمْ فِيْ سَبِيْلِ
اللّٰهِ ثُمَّ لَا يُتْبِعُوْنَ مَآ اَنْفَقُوْا مَنًّا وَّلَآ
اَذًى ۙ لَّهُمْ اَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ ۚ وَلَا
خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُوْنَ ۝

البقرة : ٢٦٢-٢٦٣

al-baqarah: 2
262 dan 263.

266. Dan misal orang-orang yang membelanjakan hartabenda mereka untuk mencari keredaan Allah dan untuk memperteguh diri mereka adalah seumpama sebidang kebun yang terletak di (Rabwah) tempat yang tinggi yang ditimpa hujan lebat, dan ia mengeluarkan buahnya dua kali lipat ganda. Dan jika hujan lebat tidak menimpanya, maka *gerimis pun cukup*. Dan Allah melihat segala yang kamu kerjakan.

وَمَثَلُ الَّذِيْنَ يُنْفِقُوْنَ اَمْوَالَهُمُ ابْتِغَاۤءَ
مَرْضَاتِ اللّٰهِ وَ تَثْبِيْتًا مِّنْ اَنْفُسِهِمْ
كَمَثَلِ جَنَّةٍۢ بِرَبْوَةٍ اَصَابَهَا وَابِلٌ فَاٰتَتْ
اُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ ۚ فَاِنْ لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ
فَطَلٌّ ۗ وَاللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ بَصِيْرٌ ۝

البقرة : ٢٦٦

al-baqarah: 2
266.

275. Mereka yang membelanjakan hartabenda mereka *di jalan Allah*, malam dan siang, dengan cara sembunyi atau dengan terang-terangan, bagi mereka ada ganjaran di sisi Allah mereka, dan tidak ada ketakut-

اَلَّذِيْنَ يُنْفِقُوْنَ اَمْوَالَهُمْ بِالَّيْلِ وَالنَّهَارِ
سِرًّا وَّعَلَانِيَةً فَلَهُمْ اَجْرُهُمْ عِنْدَ
رَبِّهِمْ ۚ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ

an *akan menimpa* mereka dan tidak pula mereka akan berduka cita.

يَحْزَنُونَ ○

البقرة : ٢٧٥

al-baqarah: 2
275

39. Perhatikanlah! Kamu adalah orang-orang yang dipanggil untuk membelanjakan *harta* di jalan Allah; tetapi dari antara kamu ada orang-orang yang berlaku bakhil. Dan barangsiapa yang berlaku bakhil maka ia hanya berlaku bakhil terhadap dirinya sendiri. Dan Allah-lah Zat Yang Maha Kaya dan kamulah orang-orang fakir. Dan jika kamu berpaling nescaya Dia akan menggantikan kamu dengan satu bangsa lain, kemudian mereka tidak akan seperti kamu.

هَاأَنْتُمْ هَٰؤُلَاءِ تُدْعَوْنَ لِتُنْفِقُوا فِي سَبِيلِ
اللَّهِ ۚ فَمِنْكُمْ مَنْ يَبْخَلُ ۖ وَمَنْ يَبْخَلْ فَإِنَّمَا
يَبْخَلُ عَنْ نَفْسِهِ ۚ وَاللَّهُ الْغَنِيُّ وَأَنْتُمُ
الْفُقَرَاءُ ۚ وَإِنْ تَتَوَلَّوْا يَسْتَبْدِلْ قَوْمًا
غَيْرَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُونُوا أَمْثَالَكُمْ ○

محمد : ٣٩

muhammad: 47
39

## IBADAT HAJI

Al-Quran menganjurkan setiap Muslim menunaikan fardu Haji di Makkah seumur hidup sekali jika mampu dan jika perjalanannya selamat. Pusat Haji ialah Kaabah yang mana mengikut Al-Quran, adalah Rumah Allah yang pertama yang didirikan untuk beribadat kepada-Nya. Tujuan Haji adalah untuk menimbulkan perasaan persaudaraan antarabangsa, dan dengan melalui beberapa ibadat akan dapat menanamkan perasaan bahawa Allah adalah tumpuan hidup mereka semua.

---

## MENGERJAKAN FARDU HAJI KAABAHTULLAH

26. Sesungguhnya *mengenai* orang-orang kafir dan yang menghalangi *manusia* dari jalan Allah dan dari Masjidilharam, yang Kami telah jadikan *bermanfaat* bagi seluruh manusia secara merata, baik mereka sebagai penghuni di dalamnya maupun sebagai pengunjung dari padang pasir; dan barangsiapa bermaksud jahat di dalamnya untuk menyesatkan *dari jalan kebenaran* dengan aniaya, Kami akan membuat dia merasakan siksaan yang pedih.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ
اللَّهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ الَّذِي جَعَلْنَاهُ
لِلنَّاسِ سَوَاءً الْعَاكِفُ فِيهِ وَالْبَادِ ۚ وَمَن
يُرِدْ فِيهِ بِإِلْحَادٍ بِظُلْمٍ نُّذِقْهُ مِنْ
عَذَابٍ أَلِيمٍ ۝

27. Dan *ingatkanlah* ketika Kami menunjukkan kepada Ibrahim tempat letaknya rumah *Allah dan berkata* "Janganlah mempersekutukan sesuatu pun dengan Daku dan

وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ
أَن لَّا تُشْرِكْ بِي شَيْئًا وَطَهِّرْ بَيْتِيَ

jagalah kebersihan rumah-Ku" bagi mereka yang tawaf dan mereka yang berdiri tegak dan mereka yang rukuk *dan sujud dalam salat.*

لِلطَّآئِفِيْنَ وَالْقَآئِمِيْنَ وَالرُّكَّعِ
السُّجُوْدِ ○

28. Dan serukanlah kepada manusia untuk naik haji, mereka akan datang kepada engkau berjalan kaki dan menunggang tiap-tiap unta yang kurus datang dari segenap penjuru yang jauh-jauh.

وَاَذِّنْ فِى النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوْكَ رِجَالًا وَّ
عَلٰى كُلِّ ضَامِرٍ يَّأْتِيْنَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ
عَمِيْقٍ ○

29. Supaya mereka menyaksikan manfaat-manfaatnya *yang tersedia* bagi mereka dan dapat menyebut nama Allah selama hari-hari yang ditetapkan, atas apa yang telah Dia rezekikan kepada mereka *berupa* binatang ternak berkaki empat. Maka makanlah *sebahagian* daripadanya dan berilah makan orang-orang sengsara dan fakir miskin.

لِيَشْهَدُوْا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ
اللّٰهِ فِيْٓ اَيَّامٍ مَّعْلُوْمٰتٍ عَلٰى مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ
بَهِيْمَةِ الْاَنْعَامِ ۚ فَكُلُوْا مِنْهَا وَاَطْعِمُوا
الْبَآئِسَ الْفَقِيْرَ ○

30. Kemudian hendaklah mereka membersihkan kekotoran mereka dan menyempurnakan segala nazarny, dan bertawaflah di sekeliling Rumah Antik ini.

ثُمَّ لْيَقْضُوْا تَفَثَهُمْ وَلْيُوْفُوْا نُذُوْرَهُمْ
وَلْيَطَّوَّفُوْا بِالْبَيْتِ الْعَتِيْقِ ○

الحج : ٢٦-٣٠

al-haj: 22
26 . . . . .30.

98. Di dalamnya ada tanda-tanda keagungan Allah yang nyata, *rumah* itu tempat tinggal Ibrahim; dan barangsiapa masuk ke dalamnya, amanlah ia. Dan Allah mengwajibkan bagi manusia mengerjakan haji ke rumah itu atas orang yang mampu pergi ke sana. Dan barangsiapa ingkar, maka *hendaklah ia ingat, bahawa* sesungguhnya Allah tidak berhajat kepada sesiapa di seluruh alam ini.

فِيْهِ اٰيٰتٌ بَيِّنٰتٌ مَّقَامُ اِبْرٰهِيْمَ ۚ وَمَنْ
دَخَلَهٗ كَانَ اٰمِنًا ۗ وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ
الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا ۗ وَمَنْ
كَفَرَ فَاِنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعٰلَمِيْنَ ○

اٰل عمران : ٩٨

ali-imran: 3
98

198. *Waktu ibadah* haji adalah beberapa bulan yang dikenal, maka barangsiapa telah membulatkan hati akan *menunaikan ibadah haji dalam bulan-bulan* tersebut, maka *hendaklah ia ketahui bahawa* ia tidak boleh mempercakapkan *hal-hal yang menimbulkan* kebcrahian dan melanggar *peratuan* Allah dan bertengkar pada hari-hari ibadah haji. Dan kebaikan apa sahaja kamu kerjakan *tentu* Allah mengetahuinya. Dan sediakanlah perbekalan *untuk di perjalanan*, dan *ingatlah bahawa* sesungguhnya sebaik-baik perbekalan ialah takwa, dan bertakwalah hanya kepada-Ku, hai orang-orang yang berakal.

al-baqarah: 2
198

اَلْحَجُّ اَشْهُرٌ مَّعْلُوْمٰتٌ ۚ فَمَنْ فَرَضَ فِيْهِنَّ
الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوْقَ وَلَا جِدَالَ فِى
الْحَجِّ ۗ وَمَا تَفْعَلُوْا مِنْ خَيْرٍ يَّعْلَمْهُ
اللّٰهُ ۗ وَ تَزَوَّدُوْا فَاِنَّ خَيْرَ الزَّادِ
التَّقْوٰى ۚ وَاتَّقُوْنِ يٰٓاُولِى الْاَلْبَابِ ۝

البقرة : ١٩٨

## PENYAMPAIAN PERUTUSAN ALLAH KEPADA SELURUH MANUSIA

Dalam menyampaikan petunjuk Allah kepada manusia, perhatian kepada setiap keadaan yang boleh mempengaruhi sikap seseorang, mestilah diambil. Perlu diingat bahawa matlamatnya ialah supaya orang itu dapat menghargai dan menyambut seruan Ilahi. Dasar ini digambarkan dengan jelas di dalam perintah Allah kepada Nabi Musa dan Nabi Harun a.s. mengenai jalan bagaimana menghadapi dan menasihati Firaun.

---

## DAKWAH TABLIGH MENYAMPAIKAN SERUAN ILLAHI

34. Dan siapakah yang lebih baik dalam percakapannya daripada orang yang mengajak *manusia* kepada Allah dan beramal saleh serta berkata "Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri."

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ
صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ○

35. Dan kebaikan dengan kejahatan itu tidaklah sama. Tolaklah *kejahatan* dengan cara yang sebaik-baiknya. Dan tiba-tiba ia, yang di antara engkau dan dirinya ada permusuhan, akan menjadi seperti seorang sahabat karib.

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ۚ ادْفَعْ
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَ
بَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ ○

36. Dan tiada yang dianugerahi *taufik* itu selain orang-orang yang bersabar; dan tiada

وَمَا يُلَقَّاهَا إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا ۚ وَمَا

yang dianugerahi *taufik* itu selain orang-orang yang mempunyai bagian besar dalam kebaikan.

يلقاها إلا ذو حظ عظيم ○

حم السجدة : ٣٤-٣٦

hamim-sajadah: 41
34, 35 dan 36.

126. Serulah kepada jalan Allah engkau dengan kebijaksanaan dan nasihat yang baik dan berdailoglah dengan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya. Sesungguhnya Allah engkau lebih mengetahui siapa yang lebih sesat dari jalan-Nya, dan Dia mengetahui pula siapa yang telah mendapat pertunjuk.

ادع إلى سبيل ربك بالحكمة و
الموعظة الحسنة وجادلهم بالتي هي
أحسن إن ربك هو أعلم بمن ضل
عن سبيله وهو أعلم بالمهتدين ○

127. Dan jika kamu memutuskan akan menghukum *orang-orang yang membuat zalim*, maka hukumlah *mereka* setimpal dengan kesalahan yang dilakukan terhadap kamu, tetapi jika kamu bersabar, maka sesungguhnya itulah yang paling baik bagi orang-orang yang sabar.

وإن عاقبتم فعاقبوا بمثل ما عوقبتم
به ولئن صبرتم لهو خير للصابرين ○

128. Dan *Wahai Rasul* bersabarlah engkau dan sesungguhnya kesabaran engkau hanya *mungkin* dengan *pertolongan* Allah. Dan janganlah engkau berdukacita atas mereka dan janganlah engkau merasa sedih disebabkan rencana *tipu daya* mereka.

واصبر وما صبرك إلا بالله ولا تحزن
عليهم ولا تك في ضيق مما يمكرون ○

129. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang berbuat kebajikan.

إن الله مع الذين اتقوا والذين هم
محسنون ○

النحل : ١٢٦-١٢٩

an-nahal: 16.
126 . . . . . .129.

6. Dan jika salah seorang di antara orang-orang musyrik meminta perlindungan kepada engkau, berilah dia perlindungan, hingga ia

وإن أحد من المشركين استجارك

dapat mendengarkan firman Allah; kemudian sampaikanlah dia ke tempat yang aman baginya. Hal itu adalah kerana mereka itu satu kaum yang tidak mengetahui *hakikatnya.*

فَأَجِرْهُ حَتّٰى يَسْمَعَ كَلٰمَ اللّٰهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ
مَأْمَنَهُ ۚ ذٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْلَمُوْنَ ○

التوبة : ٦

at-taubah: 9
6

18. Dan orang-orang yang menjauhi tuhan-tuhan *palsu, iaitu* tidak menyembahnya dan kembali kepada Allah — bagi mereka adalah khabar suka. Maka berikanlah khabar suka kepada hamba-hamba-Ku.

وَالَّذِيْنَ اجْتَنَبُوا الطّٰغُوْتَ أَنْ يَّعْبُدُوْهَا
وَأَنَابُوْٓا إِلَى اللّٰهِ لَهُمُ الْبُشْرٰى ۚ فَبَشِّرْ عِبَادِ ○

19. Yang mendengarkan perkataan *Kami,* kemudian mengikuti yang paling baik daripada itu. Mereka itulah yang Allah telah membimbing mereka, dan mereka itulah orang-orang yang *benar-benar dikurniai* pengertian.

الَّذِيْنَ يَسْتَمِعُوْنَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُوْنَ أَحْسَنَهُ ۚ
أُولٰٓئِكَ الَّذِيْنَ هَدٰىهُمُ اللّٰهُ وَأُولٰٓئِكَ هُمْ
أُولُوا الْأَلْبَابِ ○

الزمر : ١٨-١٩

az-zumur: 39
18 dan 19.

## BUDI BAHASA, KESUSILAAN DAN ADAB

Al-Quran mengajar manusia menerima dan menghargai kehidupan, bukan menolak atau melarikan diri daripadanya. Zahid dan rahib tidak dibenarkan dalam Islam. Hidup dengan ketakwaan, dengan menggunakan dengan bijaksana dan seimbang segala pancaindera dan rahmat-rahmat pemberian Allah, adalah peraturan hidup yang dituntut. Di dalam konsep inilah, maka Al-Quran meletakkan petunjuk-petunjuk yang lengkap untuk memantapkan nilai-nilai moral dan keruhanian. Matlamatnya adalah pembangunan dan penggunaan semua pancaindera dengan manfaat dan berfaedah.

---

## BUDI PEKERTI ORANG-ORANG MUKMIN

11. Sesungguhnya *segenap* orang mukmin itu bersaudara. Maka adakanlah perdamaian di antara saudara-saudaramu dan bertakwalah kepada Allah, supaya kamu mendapat Rahmat.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ
أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ○

12. Wahai orang-orang yang beriman! janganlah satu kaum mencemuhkan kaum yang *lain*, mungkin mereka itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah *sebahagian* perempuan *mentertawakan perempuan yang lain*, mungkin mereka itu lebih baik dari mereka. Dan janganlah kamu memburuk-burukkan kaummu, begitu pula jangan panggil-memanggil

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ
عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن
نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۚ وَلَا
تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ ۚ

dengan nama buruk. Adalah satu hal yang tidak baik jika *dipanggil dengan nama* buruk sesudah beriman; dan barangsiapa yang tidak bertaubat, mereka itulah orang-orang yang membuat aniaya.

بِئْسَ الِاسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ ۚ وَمَنْ
لَمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ○

13. Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah banyak berprasangka, kerana sebahagian prasangka itu *ada kalanya* merupakan dosa. Dan janganlah kamu saling menjaga tepi kain orang lain dan janganlah pula sebagian kamu mengumpat sebagian yang lain. Sukakah salah seorang dari antara kamu memakan daging saudaranya yang mati? Tentu kamu akan menjijikinya. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah berulang-ulang menerima taubat *dan* Maha Penayang.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِنَ
الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا
يَغْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ
يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَاتَّقُوا
اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ ○

الحجرات : ١١-١٣

al-hujarat: 49
11, 12 dan 13.

37. Dan beribadahlah kepada Allah dan janganlah kamu persekutukan dengan-Nya apa juapun dan berbuat baiklah terhadap ibu bapa, dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan tetangga yang seanak-saudara dan tetangga yang bukan kerabat dan handai-taulan dan orang musafir dan yang dimiliki oleh tangan kananmu iaitu hamba sahaya. Sesungguhnya Allah itu tidak menyukai orang sombong *dan* temberang.

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَ
بِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ
وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا
فَخُورًا ○

38. Dan orang-orang yang bakhil dan menyuruh manusia *lain* supaya berbakhil dan menyembunyikan apa yang Allah anugerahkan kepada mereka daripada kurnia-Nya. Dan Kami telah menyediakan bagi orang-orang kafir azab yang menghinakan.

الَّذِينَ يَبْخَلُونَ وَيَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبُخْلِ
وَيَكْتُمُونَ مَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَأَعْتَدْنَا
لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُهِينًا ○

39. Dan orang-orang yang membelanjakan harta-bendanya supaya dilihat oleh manusia

وَالَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا

dan mereka tidak beriman kepada Allah dan tidak pula kepada Hari Kiamat, *mereka akan menemui akibat yang buruk.* Dan siapa yang menjadikan syaitan sebagai temannya, maka sangat jahatlah ia sebagai kawan.

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ ۗ وَمَن يَكُنِ
الشَّيْطَانُ لَهُ قَرِينًا فَسَاءَ قَرِينًا ۝
النساء: ٣٧-٣٩

An-nisak: 4
37, 38 dan 39.

91. Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebajikan kepada orang lain, dan memberi *orang-orang lain* seperti kepada kaum kerabat sendiri dan melarang dari perbuatan keji dan mungkar dan pemberontakan. Dia memberi kamu nasihat, supaya kamu selalu ingat.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنكَرِ
وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝

92. Dan sempurnakanlah perjanjian dengan Allah, apabila kamu telah mengadakan *suatu perjanjian,* dan janganlah kamu melanggar sumpah-sumpah setelah diteguhkannya, padahal kamu jadikan Allah sebagai jaminan. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدتُّمْ وَلَا
تَنقُضُوا الْأَيْمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ
جَعَلْتُمُ اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا ۚ إِنَّ اللَّهَ
يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ۝

93. Dan janganlah kamu berolah seperti perempuan yang memutus-mutuskan benangnya menjadi berpotong-potong setelah dia memintalnya dengan kuat, dengan menjadikan sumpahmu sebagai cara penipuan di antaramu, *kerana takut* jangan-jangan suatu kaum akan menjadi lebih kuat daripada kamu yang lain. Sesungguhnya Allah menguji kamu dengan itu dan pada Hari Kiamat Dia akan menjadikan jelas kepadamu apa yang kamu *sebelumnya* telah berselisih di dalamnya.

وَلَا تَكُونُوا كَالَّتِي نَقَضَتْ غَزْلَهَا مِن بَعْدِ
قُوَّةٍ أَنكَاثًا تَتَّخِذُونَ أَيْمَانَكُمْ دَخَلًا
بَيْنَكُمْ أَن تَكُونَ أُمَّةٌ هِيَ أَرْبَىٰ مِنْ أُمَّةٍ ۚ
إِنَّمَا يَبْلُوكُمُ اللَّهُ بِهِ ۚ وَلَيُبَيِّنَنَّ لَكُمْ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ مَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ۝
النحل: ٩١-٩٣

an-nahal: 16
91, 92 dan 93.

136. Wahai orang-orang yang beriman! jadilah kamu orang-orang yang menegakkan keadilan *dan jadilah* saksi kepada Allah, walaupun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat. Baik ia *yang terhadapnya diadakan saksi* itu kaya atau miskin, maka Allah lebih memperhatikan keduanya *daripada kamu*. Oleh kerana itu janganlah kamu turutkan hawa nafsu, agar supaya kamu dapat berlaku adil. Dan jika kamu menyembunyikan atau mengelakkan *kesaksian itu*, maka *ketahuilah bahawa* sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّٰمِينَ
بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ
ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ
فَقِيرًا فَٱللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا ٱلْهَوَىٰٓ
أَن تَعْدِلُوا ۚ وَإِن تَلْوُۥٓا أَوْ تُعْرِضُوا فَإِنَّ ٱللَّهَ
كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ○

النسآء : ١٣٦

an-nisak: 4
136

149. Allah tidak menyukai penyiaran perkataan (perbuatan) yang buruk *di muka umum* kecuali dari orang yang dianiaya, *ia boleh menyatakan keaniayaan itu* dan adalah Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui.

لَّا يُحِبُّ ٱللَّهُ ٱلْجَهْرَ بِٱلسُّوٓءِ مِنَ
ٱلْقَوْلِ إِلَّا مَن ظُلِمَ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ
سَمِيعًا عَلِيمًا ○

150. Jika kamu melahirkan suatu kebaikan atau menyembunyikan atau memaafkannya suatu kejahatan *seseorang*, maka *ketahuilah bahawa* sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, Maha Kuasa.

إِن تُبْدُوا خَيْرًا أَوْ تُخْفُوهُ أَوْ تَعْفُوا عَن
سُوٓءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَفُوًّا قَدِيرًا ○

النسآء : ١٤٩-١٥٠

an-nisak: 4
149 dan 150.

9. Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu berdiri teguh kerana Allah dan menjadi saksi dengan adil dan janganlah permusuhan suatu kaum mendorong kamu untuk bertindak tidak adil; itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ
شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ
عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا ۚ ٱعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ
وَٱتَّقُوا ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ○

10. Allah berjanji kepada orang-orang yang beriman dan beramal saleh, bahawa bagi mereka ada pengampunan dan ganjaran besar.

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ۙ
لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ ○

11. Dan adapun orang-orang yang tidak percaya dan mendustakan tanda-tanda keagungan Kami, mereka itulah Ahli Neraka.

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ
أَصْحَابُ الْجَحِيمِ ○

al-maidah: 5
9, 10 dan 11.

المائدة : ٩ - ١١

32. Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya membunuh mereka itu suatu dosa yang sangat besar.

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ ۖ نَّحْنُ
نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ ۚ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا
كَبِيرًا ○

33. Dan janganlah kamu menghampiri perzinahan; sesungguhnya *perzinahan* itu amat keji dan suatu jalan yang jahat.

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ ۖ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً ۖ وَسَاءَ
سَبِيلًا ○

34. Dan janganlah membunuh jiwa yang *pembunuhannya* Allah telah haramkan, kecuali demi hak (kebenaran). Dan barangsiapa dibunuh dengan aniaya, sesungguhnya telah Kami berikan kuasa kepada Ahliwarisnya *untuk menuntut balas*, tetapi janganlah ia melampaui batas *yang telah ditetapkan* dalam pembunuhan kerana di dalam perkara ini dia didukung oleh undang-undang Syariah.

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ۗ
وَمَن قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لِوَلِيِّهِ سُلْطَانًا فَلَا
يُسْرِف فِّي الْقَتْلِ ۖ إِنَّهُ كَانَ مَنصُورًا ○

35. Dan janganlah kamu menghampiri hartabenda anak yatim, kecuali dengan jalan yang sebaik-baiknya, hingga ia mencapai kedewasaannya dan tetapilah janji; sesungguhnya tentang janji akan ditanyakan.

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ ۚ وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ ۖ
إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا ○

36. Dan cukupkanlah sukatan apabila kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang benar, yang demikian itu kesudahannya lebih baik dan lebih terpuji.

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ إِذَا كِلْتُمْ وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ
الْمُسْتَقِيمِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ○

37. Dan janganlah engkau ikuti perkara yang engkau tidak tahu. Sesungguhnya telinga dan mata dan hati — tentang semua ini akan ditanya.

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۚ إِنَّ السَّمْعَ وَ
الْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ○

38. Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan congkak, kerana sesungguhnya *dengan demikian* engkau tidak dapat membelah bumi dan tidak engkau dapat mencapai ketinggian gunung-ganang.

وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا ۖ إِنَّكَ لَنْ تَخْرِقَ
الْأَرْضَ وَلَنْ تَبْلُغَ الْجِبَالَ طُولًا ○

39. Keburukan semua ini sangat terbenci pada pandangan sisi Allah engkau.

كُلُّ ذَٰلِكَ كَانَ سَيِّئُهُ عِنْدَ رَبِّكَ مَكْرُوهًا ○

بني اسرآءيل : ٣٢-٣٩

bani-israil: 17
32 . . . . . . .39.

## PRINSIP-PRINSIP ASAS SISTEM EKONOMI

Konsep asas ekonomi Islam ialah bahawa segala-galanya adalah kepunyaan Allah semata-mata. Pemilikan yang sah oleh setiap individu, serta penggunaan dan pemindahan harta, adalah diakui dan dipelihara. Tetapi kesemua pemilikan adalah tertakluk kepada kewajipan seseorang memahami bahawa semua golongan masyarakat mempunyai haknya di dalam segala kekayaan. Sebahagian daripada kewajipan ini diberikan kesahihannya melalui undang-undang yang sah, tetapi sebahagian besar daripadanya diikat melalui usaha-usaha kerelaan yang disumbangkan demi untuk mencapai keruhanian yang tinggi bagi setiap pihak yang berkenaan.

---

## DASAR IKTISAS DI DALAM ISLAM

117. Dan ingatlah ketika Kami berkata kepada para Malaikat. "Bersujudlah kamu kepada Adam". Maka mereka itu semua bersujud. Tetapi *iblis tidak.* Ia menolak untuk *bersujud.*

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوٓا إِلَّآ
إِبْلِيسَ أَبَىٰ ۝

118. Kemudian Kami berkata, "Wahai Adam" sesungguhnya iblis ini adalah musuh bagi engkau, dan bagi isteri engkau; maka janganlah sampai ia mengeluarkan kamu berdua dari syurga, jangan-jangan kamu menderita kesusahan.

فَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ إِنَّ هَٰذَا عَدُوٌّ لَّكَ وَلِزَوْجِكَ
فَلَا يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ الْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰٓ ۝

119. Sesungguhnya *telah ditetapkan* bagimu bahawa engkau tidak akan kelaparan di dalamnya, dan pula engkau tidak akan telanjang.

إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ۝

120. Dan bahawa engkau tidak akan dahaga di dalamnya dan tidak *pula* akan ditimpa oleh cahaya panas matahari.

وانك لا تظمؤا فيها ولا تضحى ○

طه : ١١٧ - ١٢٠

tha-ha: 20
117 . . . . .120.

189. Dan janganlah kamu makan harta-benda *saudara-saudaramu* di antara mu dengan jalan salah dan *jangan pula* kamu menghulurkannya sebagai rasuah kepada petugas-petugas *Kerajaan dengan tujuan* supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta-benda orang-orang *lain* dengan cara tidak sah, padahal kamu mengetahui.

ولا تأكلوا أموالكم بينكم بالباطل و
تدلوا بها إلى الحكام لتأكلوا فريقا من
أموال الناس بالإثم وأنتم تعلمون ○

البقرة : ١٨٩

al-baqarah: 2
189

30. Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-bendamu di antaramu dengan jalan yang tidak sihat, kecuali yang kamu *dapatkan* dengan perniagaan atas kerelaan di antaramu. Dan janganlah kamu bunuh dirimu. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang terhadapmu.

يا أيها الذين آمنوا لا تأكلوا أموالكم
بينكم بالباطل إلا أن تكون تجارة
عن تراض منكم ولا تقتلوا أنفسكم
إن الله كان بكم رحيما ○

النساء : ٣٠

an-nisak: 4
30

## JIHAD – USAHA CEMERLANG DI JALAN ALLAH

Jihad bererti "menggunakan seluruh kekuatan diri untuk menghadapi sesuatu yang tidak diingini". Ia terbahagi kepada 3 jenis, iaitu (1) musuh yang nyata, (2) syaitan atau iblis, dan (3) diri sendiri.

Al-Quran mengajarkan bahawa apabila tercetus peperangan, ia mestilah dihadapi sebegitu cara supaya kerosakan kepada kehidupan dan hartabenda, terjadi sekecil-kecil sekali, dan bahawa permusuhan itu hendaklah didamaikan secepat-cepatnya.

---

## JIHAD DI DALAM ISLAM

40. Telah diperkenankan *untuk mengangkat senjata* bagi mereka yang telah diperangi disebabkan mereka telah diperlakukan dengan aniaya, dan sesungguhnya Allah berkuasa menolong mereka.

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا ۚ وَإِنَّ
اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ۝

41. Mereka yang telah diusir dari rumah mereka tanpa sebab yang bernas, hanya kerana mereka berkata "Tuhan kami ialah Allah". Dan sekiranya Allah tidak menangkis sebagian orang dengan perantaraan sebagian yang lain, nescayalah biara-biara serta gereja-gereja Nasrani dan rumah-rumah ibadah Yahudi serta masjid-masjid yang di dalamnya nama Allah banyak disebut telah dibinasakan. Dan pasti Allah akan menolong siapa yang menolong Dia. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, Maha Perkasa.

al-haj: 22
40 dan 41

الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِن دِيَارِهِم بِغَيْرِ حَقٍّ
إِلَّا أَن يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ ۗ وَلَوْلَا دَفْعُ
اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ
صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ
فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا ۗ وَلَيَنصُرَنَّ اللَّهُ مَن
يَنصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ۝

الحج : ٤٠ - ٤١

9. Allah tidak melarang kamu berbuat baik terhadap mereka dan berlaku adil terhadap mereka yang tidak memerangi kamu disebabkan *agamamu*, dan yang tidak mengusir kamu dari negerimu; sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berlaku adil.

لَا يَنْهٰىكُمُ اللّٰهُ عَنِ الَّذِيْنَ لَمْ يُقَاتِلُوْكُمْ فِى
الدِّيْنِ وَلَمْ يُخْرِجُوْكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ اَنْ
تَبَرُّوْهُمْ وَتُقْسِطُوْٓا اِلَيْهِمْ ۗ اِنَّ اللّٰهَ يُحِبُّ
الْمُقْسِطِيْنَ ○

10. Allah hanya melarang kamu bersahabat dengan mereka yang memerangi kamu disebabkan Agama*mu* dan telah mengusir kamu dari negerimu dan yang telah membantu *orang-orang lain* mengusir kamu; dan barangsiapa bersahabat dengan mereka, maka mereka itulah orang-orang zalim.

اِنَّمَا يَنْهٰىكُمُ اللّٰهُ عَنِ الَّذِيْنَ قَاتَلُوْكُمْ فِى
الدِّيْنِ وَاَخْرَجُوْكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ وَظٰهَرُوْا عَلٰٓى
اِخْرَاجِكُمْ اَنْ تَوَلَّوْهُمْ ۚ وَمَنْ يَّتَوَلَّهُمْ
فَاُولٰۤىِٕكَ هُمُ الظّٰلِمُوْنَ ○

الممتحنة : ٩-١٠

al-mumtahinah: 60
9 dan 10

11. Wahai orang-orang yang beriman! Maukah Aku tunjukkan kepadamu suatu perdagangan, yang akan menyelamatkan kamu dari azab yang pedih.

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا هَلْ اَدُلُّكُمْ عَلٰى تِجَارَةٍ
تُنْجِيْكُمْ مِّنْ عَذَابٍ اَلِيْمٍ ○

12. Hendaklah kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kamu berjihad di jalan Allah dengan harta-bendamu dan dirimu. Yang demikian itu lebih baik bagimu, sekiranya kamu mengetahui.

تُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهٖ وَتُجَاهِدُوْنَ فِيْ
سَبِيْلِ اللّٰهِ بِاَمْوَالِكُمْ وَاَنْفُسِكُمْ ۗ ذٰلِكُمْ خَيْرٌ
لَّكُمْ اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ○

الصف : ١١-١٢

as-saf: 61
11 dan 12.

70. Dan tentang orang-orang yang berjuang untuk *bertemu dengan* Kami, sesungguhnya Kami akan memberi pertunjuk kepada mereka pada jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang berbuat kebajikan.

وَالَّذِيْنَ جَاهَدُوْا فِيْنَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ
سُبُلَنَا ۗ وَاِنَّ اللّٰهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِيْنَ ○

العنكبوت : ٧٠

al-ankabut: 29
70

20. Orang-orang yang beriman dan berhijrah dan berjihad pada jalan Allah dengan harta-bendanya dan jiwa raganya, amat tinggi darjatnya di sisi Allah. Dan itulah orang-orang yang beroleh kebahagiaan.

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي
سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ
دَرَجَةً عِندَ اللَّهِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ○

التوبة : ٢٠

at-taubah: 9
20

111. Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin jiwa-raga mereka dan harta-benda mereka *dengan janji* bahawasanya bagi mereka ialah syurga; *sebab* mereka berperang pada jalan Allah, kerana itu mereka membunuh atau dibunuh; selaku janji yang pasti daripada*-Nya yang telah tersebut* dalam Taurat dan Injil dan *dalam* Alquran *pula.* Dan siapakah yang menyempurnakan janjinya lebih dari Allah? Kerana itu *Wahai orang-orang mukmin* bersukacitalah kamu dengan jual-beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar.

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ
وَأَمْوَالَهُم بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ ۚ يُقَاتِلُونَ فِي
سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا
عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَاةِ وَالْإِنجِيلِ وَ
الْقُرْآنِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ ۚ
فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُم بِهِ ۚ
وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ○

التوبة : ١١١

at-taubah: 9
111.

96. Orang-orang mukmin yang tinggal duduk *di rumah*, selain dari orang-orang yang uzur, tidaklah sama dengan mereka yang berjihad di jalan Allah dengan harta-bendanya dan dirinya. Allah melebihi darjat orang-orang yang berjuang dengan harta-benda dan diri mereka daripada orang-orang yang tinggal duduk *di rumah*. Dan untuk masing-masing telah dijanjikan Allah kebaikan. Dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas mereka yang tinggal duduk *di rumah* dengan ganjaran yang sangat besar.

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ
أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ ۚ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً ۚ وَ
كُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ ۚ وَفَضَّلَ اللَّهُ
الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ○

النساء : ٩٦

an-nisak: 4
96

## MUTU BUDIPERKERTI ORANG-ORANG YANG BERIMAN

Al-Quran menerangkan betapa perlunya beriman kepada Allah dan menarik perhatian kepada tanda-tanda adanya Allah. Ia menekankan bahawa Allah senantiasa menghantar kata-kataNya melalui wahyu. Sekiranya Allah sudah berhenti menampakkan sifat-sifatNya melalui nabi-nabi serta pengikut-pengikut setia mereka, ketakwaan dan keimanan yang teguh tentang adanya Allah, akan lenyap sama sekali. Oleh itu, adalah sangat mustahak sekali, bahawa selagi adanya manusia, wahyu Ilahi mestilah terus turun kepada sebahagian daripada mereka.

---

## SIFAT-SIFAT ORANG MUKMIN

2. Sungguh berhasillah orang-orang yang beriman.

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۝

3. Yang khusyuk dalam sembahyangnya.

الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ۝

4. Dan mereka yang menjauhkan diri dari segala yang sia-sia.

وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ۝

5. Dan mereka yang setia *dan tetap* membayar zakat.

وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكٰوةِ فَاعِلُونَ ۝

6. Dan mereka yang menjaga kesucian kemaluannya.

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حٰفِظُونَ ۝

7. Kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau apa yang dipunyai oleh tangan kanan mereka (wanita-wanita yang dihasilkan dari tawanan perang sebagai hamba), maka sesungguhnya mereka tidak tercela;

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ
فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ۝

8. Tetapi barangsiapa menghendakki *sesuatu* selain dari itu, maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas.

فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰٓئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ۝

9. Dan mereka yang memelihara amanah-amanah dan perjanjian-perjanjiannya.

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ۝

10. Dan mereka yang memelihara dengan ketat akan sembahyangnya,

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ ۝

11. Mereka itulah orang-orang yang akan menjadi waris,

أُولَٰٓئِكَ هُمُ الْوَٰرِثُونَ ۝

12. Iaitu orang-orang yang akan mengwarisi syurga Firdaus. Mereka itu akan tinggal kekal di dalamnya untuk *selama-lamanya.*

الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا
خَٰلِدُونَ ۝

المؤمنون : ٢ - ١٢

al-mukminun: 23
1 . . . . . . . . . .12

64. Dan hamba-hamba *sejati dari* Allah Yang Maha Pemurah ialah mereka yang berjalan di muka bumi dengan merendahkan diri; dan apabila orang-orang jahil menegur *untuk mengusik* mereka, mereka *menghindari* mereka itu dengan *sopan santun seraya* berkata *"Selamat sejahtera bagimu",*

وَعِبَادُ الرَّحْمَٰنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى
الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَٰهِلُونَ
قَالُوا سَلَٰمًا ۝

65. Dan mereka yang mempergunakan malam untuk bersujud dan berdiri di hadapan Allah mereka,

وَالَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَٰمًا ۝

66. Dan mereka yang berkata "Ya rabbana", elakkanlah dari kami azab neraka jahanam; kerana azabnya itu penderitaan yang hebat sekali,

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ
جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا

67. Sesungguhnya *neraka* itu seburuk-buruk tempat istirehat dan seburuk-buruk tempat menetap,

إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا

68. Dan mereka, yang apabila membelanjakan harta tidaklah boros dan tidak pula kikir, melainkan *mengambil* jalan-tengah di antara *kedua keadaan* itu,

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ
يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا

69. Dan merekalah yang tidak berseru kepada suatu tuhan lain beserta Allah, dan tidak membunuh nyawa, yang telah dilarang oleh Allah, kecuali dengan alasan yang tepat, dan tidak pula berzinah dan barangsiapa berbuat demikian ia akan menerima hukuman atas *dosanya*,

وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَٰهًا آخَرَ وَلَا
يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَ
لَا يَزْنُونَ ۚ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَٰلِكَ يَلْقَ أَثَامًا

70. Akan digandakan azab pada hari kiamah, dan ia akan tinggal di dalamnya terhina,

يُضَاعَفْ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَيَخْلُدْ
فِيهِ مُهَانًا

71. Kecuali mereka yang bertaubat dan beriman dan beramal saleh, mengenai orang-orang itulah Allah akan mengubah kejahatan-kejahatan mereka menjadi kebaikan-kebaikan; dan Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang,

إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا
فَأُولَٰئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ ۗ وَ
كَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

72. Dan barangsiapa yang bertaubat dan beramal saleh, sesungguhnya ia kembali kepada Allah dengan taubat *yang sebenar-benarnya*,

وَمَنْ تَابَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَإِنَّهُ يَتُوبُ إِلَى اللَّهِ
مَتَابًا

73. Dan orang-orang yang tidak memberikan persaksian palsu, dan apabila mereka melalui sesuatu hal yang sia-sia, mereka berlalu dengan sikap yang agung,

وَالَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ الزُّورَ ۙ وَإِذَا مَرُّوا بِاللَّغْوِ
مَرُّوا كِرَامًا

74. Dan juga orang-orang yang, apabila mereka diperingatkan tentang tanda-tanda keagungan Allah mereka, tidak akan terjerumus ke dalamnya sebagai orang-orang yang tuli dan buta,

وَالَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ لَمْ يَخِرُّوا
عَلَيْهَا صُمًّا وَعُمْيَانًا ۝

75. Dan orang-orang yang berkata, "Ya Rabbana! anugerahkanlah kepada kami agar isteri-isteri kami dan keturunan kami menjadi penyejuk mata kami dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa",

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَ
ذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا ۝

76. Orang-orang demikianlah yang akan dianugerahi bilik-bilik kebesaran di *syurga*, kerana mereka bersabar, dan mereka akan disambut di dalamnya dengan penghormatan dan doa selamat.

أُولَٰئِكَ يُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا وَيُلَقَّوْنَ
فِيهَا تَحِيَّةً وَسَلَامًا ۝

77. Mereka tinggal kekal di dalamnya. Itulah sebaik-baik tempat istirehat dan tempat menetap,

خَالِدِينَ فِيهَا ۚ حَسُنَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا ۝

78. Katakanlah *kepada orang-orang kafir itu* "Allah-ku *sama sekali* tidak akan mengindahkan kamu sekiranya tidak ada doa daripadamu. Maka sesungguhnya kamu telah mendustakan *Utusan Allah* maka oleh kerananya *hukuman-Nya* akan terus melekat padamu."

قُلْ مَا يَعْبَأُ بِكُمْ رَبِّي لَوْلَا دُعَاؤُكُمْ ۖ فَقَدْ
كَذَّبْتُمْ فَسَوْفَ يَكُونُ لِزَامًا ۝

الفرقان : ٦٩ - ٧٨

al-furkan: 25
64 . . . . . .78

31. *Adapun* orang-orang yang berkata "Tuhan kami adalah Allah" kemudian mereka bersiteguh, Malaikat-malaikat turun kepada mereka *sambil meyakinkan mereka*, "Janganlah kamu takut, dan jangan *pula* berdukacita; dan bergembiralah atas *khabar suka tentang* syurga yang telah dijanjikan kepadamu."

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ
اسْتَقَامُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا
تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ
الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ۝

32. Kami adalah teman-temanmu di dalam kehidupan di dunia dan juga di akhirat. Dan di dalamnya kamu akan mendapati segala yang diingini oleh dirimu, dan di dalamnya kamu akan mendapati segala yang kamu minta.

نَحْنُ اَوْلِيٰٓؤُكُمْ فِى الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا وَفِى
الْاٰخِرَةِ ۚ وَلَكُمْ فِيْهَا مَا تَشْتَهِيْٓ اَنْفُسُكُمْ
وَلَكُمْ فِيْهَا مَا تَدَّعُوْنَ ۝

hamim-sajadah: 41
31 dan 32.

## PERSAMAAN HAK BAGI LELAKI DAN PEREMPUAN

Sebelum kedatangan Islam, kaum wanita tidak mempunyai hak apa-apa yang sudah ditetapkan. Agama Islam sahajalah yang telah memberi ketetapan-ketetapan yang sempurna — yang memberikan perlindungan sepenuhnya kepada hak-hak wanita dan menjadikan mereka sama dengan kaum lelaki, samaada dari segi keruhanian maupun hal-hal keagamaan yang lain. Ia memberikan mereka kedudukan yang bebas, memberikan mereka hak-hak milik, dan menjadikan tanggungjawab dan hak-hak itu, sebahagian daripada syariat Allah.

---

## PERSAMAAN PAHALA AMALAN KAUM LELAKI DAN KAUM WANITA dan HAK KAUM WANITA

98. Barangsiapa berbuat amal saleh dari antara laki-laki maupun perempuan, sedangkan dia adalah orang yang beriman, tentulah akan kami hidupkan dia dalam kehidupan yang baik; dan nescaya Kami akan melimpahkan kepada mereka ganjaran yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثٰى وَهُوَ
مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۚ وَ
لَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ ○

النحل : ٩٨

an-nahal: 16
98

125. Dan barangsiapa mengerjakan amal-amal saleh, baik lelaki atau perempuan sedangkan ia mukmin, maka mereka inilah yang akan ma-

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصّٰلِحٰتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثٰى
وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ

suk syurga, dan mereka tidak akan dianiaya biar sebesar alur biji korma pun.

وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ○

النسآء : ١٢٥

an-nisak: 4
125

36. Sesungguhnya orang-orang lelaki yang menyerahkan diri *kepada Allah* dan orang-orang perempuan yang menyerahkan diri *kepada-Nya,* dan orang-orang mukmin lelaki dan orang-orang mukminah perempuan, dan orang-orang lelaki yang patuh dan orang-orang perempuan yang patuh, dan orang-orang lelaki yang jujur dan orang-orang perempuan yang jujur, dan orang-orang lelaki yang sabar *dalam keimanannya* dan orang-orang perempuan yang sabar *dalam keimanannya* dan orang-orang lelaki yang merendahkan diri dan orang-orang perempuan yang merendahkan diri, dan orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa dan orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatan dan kesucian mereka dan orang-orang perempuan yang memelihara kehormatan dan kesucian mereka dan orang-orang lelaki yang banyak mengingati Allah dan orang-orang perempuan yang *banyak* mengingati Dia. Allah telah menyediakan bagi *semua* mereka itu ampunan dan ganjaran yang besar.

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَ
الْمُؤْمِنٰتِ وَالْقٰنِتِينَ وَالْقٰنِتٰتِ وَالصّٰدِقِينَ
وَالصّٰدِقٰتِ وَالصّٰبِرِينَ وَالصّٰبِرٰتِ وَالْخٰشِعِينَ
وَالْخٰشِعٰتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقٰتِ وَ
الصّٰٓئِمِينَ وَالصّٰٓئِمٰتِ وَالْحٰفِظِينَ
فُرُوجَهُمْ وَالْحٰفِظٰتِ وَالذّٰكِرِينَ اللّٰهَ
كَثِيرًا وَّالذّٰكِرٰتِ أَعَدَّ اللّٰهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَّ
أَجْرًا عَظِيمًا ○

الاحزاب : ٣٦

al-ahzab: 33
36

41. Barangsiapa berbuat kejahatan tidak akan dibalas kecuali dengan semisalnya; namun barangsiapa berbuat amal saleh, biar lelaki atau perempuan, sedang dia orang beriman -- mereka akan memasuki syurga; mereka akan diberi rezeki di dalamnya tanpa perhitungan.

مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا ۚ وَمَنْ
عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ
مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُوْنَ الْجَنَّةَ
يُرْزَقُوْنَ فِيْهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ ○

المؤمن : ٤١

al-mukmin: 40
40 dan 41.

229. Dan perempuan-perempuan yang ditalak, harus menahan dirinya tiga-kali haid, dan *hendaklah* mereka ketahui bahawa tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan yang telah dijadikan Allah dalam kandungan mereka, jika mereka beriman kepada Allah dan hari kemudian; dan suami-suami mereka lebih berhak merujuki mereka dalam *masa iddah itu*, jika mereka mengkehendaki penyelesaian. Dan bagi perempuan-perempuan ada hak yang seimbang dengan kewajiban mereka secara yang patut, dan bagi lelaki ada satu kelebihan atas mereka. Dan Allah Maha Perkasa, Maha Bijaksana.

وَالْمُطَلَّقٰتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلٰثَةَ
قُرُوْءٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَنْ يَّكْتُمْنَ مَا خَلَقَ
اللّٰهُ فِيْ أَرْحَامِهِنَّ إِنْ كُنَّ يُؤْمِنَّ بِاللّٰهِ
وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ۚ وَبُعُوْلَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ
فِيْ ذٰلِكَ إِنْ أَرَادُوْا إِصْلَاحًا ۚ وَلَهُنَّ مِثْلُ
الَّذِيْ عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوْفِ ۖ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ
دَرَجَةٌ ۚ وَاللّٰهُ عَزِيْزٌ حَكِيْمٌ ○

230. Talak semacam itu *yang mengandungi peraturan rujuk* boleh dua kali; kemudian boleh menahan perempuan-perempuan itu secara patut atau melepaskan mereka dengan perlakuan yang baik. Dan tidak halal bagimu mengambil *kembali* sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka, kecuali kalau keduanya khuatir tak akan dapat menegakkan batas-batas *yang ditetapkan* Allah, maka tidak ada dosa di atas keduanya

اَلطَّلَاقُ مَرَّتٰنِ ۖ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوْفٍ أَوْ
تَسْرِيْحٌ بِإِحْسَانٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ
تَأْخُذُوْا مِمَّا اٰتَيْتُمُوْهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ
يَّخَافَا أَلَّا يُقِيْمَا حُدُوْدَ اللّٰهِ ۚ فَإِنْ خِفْتُمْ
أَلَّا يُقِيْمَا حُدُوْدَ اللّٰهِ ۙ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيْمَا

pada apa yang diberikan perempuan itu untuk penebus dirinya. Demikianlah batas-batas *yang ditetapkan* Allah, maka janganlah kamu melampauinya, dan barangsiapa yang melanggar batas-batas yang ditetapkan Allah, maka merekalah orang-orang zalim.

افْتَدَتْ بِهٖ ۗ تِلْكَ حُدُوْدُ اللّٰهِ فَلَا تَعْتَدُوْهَا ۚ
وَمَنْ يَّتَعَدَّ حُدُوْدَ اللّٰهِ فَاُولٰٓئِكَ هُمُ
الظّٰلِمُوْنَ ۝

al-baqarah: 2
229 dan 230.

## PENGHARAMAN TENTANG "BUNGA" ATAU FAEDAH PINJAMAN

Perkataan yang digunakan dalam Al-Quran berkaitan dengan 'wang bunga' ialah 'riba'. Maksudnya tidaklah sama dengan perkataan 'faedah' seperti yang biasa difahami. Riba diharamkan kerana ia menarik kekayaan kepada segolongan kecil manusia dan membataskan khidmat bakti terhadap manusia lain. Mengenai pinjaman yang mengenakan faedah, si pemberi pinjam sebenarnya telah mengambil kesempatan dan keuntungan daripada kemelesetan dan kesusahan orang lain.

---

## HARAM MENJALANKAN WANG BUNGA

276. Orang-orang yang makan wang bunga tidak akan berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan kegilaan. Hal yang demikian adalah kerana mereka berkata. Bahawasanya jual-beli itu *juga* serupa dengan riba; padahal Allah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba. Maka *ketahuilah* barangsiapa telah sampai kepadanya peringatan dari Rabnya, lalu ia berhenti dari *pelanggaran itu*, maka untuknya untung *dari jual-beli* yang telah lalu dan urusannya *terserah* kepada Allah. Dan barangsiapa kembali lagi *makan bunga* maka mereka adalah penghuni neraka, mereka akan tetap di dalamnya.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبٰوا لَا يَقُومُونَ إِلَّا
كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطٰنُ مِنَ
الْمَسِّ ۚ ذٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ
مِثْلُ الرِّبٰوا ۗ وَأَحَلَّ اللّٰهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ
الرِّبٰوا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّنْ رَّبِّهِ
فَانْتَهٰى فَلَهُ مَا سَلَفَ ۗ وَأَمْرُهُ إِلَى اللّٰهِ ۗ وَ
مَنْ عَادَ فَأُولٰئِكَ أَصْحٰبُ النَّارِ ۚ هُمْ فِيهَا
خٰلِدُونَ ○

277. Allah akan menghapuskan wang bunga dan memperkembangkan sedekah-sedekah. Dan Allah tiada menyukainya setiap orang yang sangat kafir *dan* banyak berdosa.

يَمْحَقُ اللّٰهُ الرِّبٰوا وَيُرْبِي الصَّدَقٰتِ ۗ وَاللّٰهُ
لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ۝

278. Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berbuat amal saleh *iaitu perbuatan baik yang sesuai dengan keadaan* dan tetap mengerjakan sembahyang dan membayar *zakat*, bagi mereka adalah ganjaran di sisi Allah mereka dan tak ada ketakutan *akan menimpa* mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita.

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصّٰلِحٰتِ وَأَقَامُوا
الصَّلٰوةَ وَآتَوُا الزَّكٰوةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ
رَبِّهِمْ ۚ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ۝

279. Wahai orang-orang yang beriman takut lah kepada Allah dan tinggalkanlah yang ma sih bersisa dari wang bunga, jika kamu *benar benar* orang mukmin.

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ وَذَرُوا مَا
بَقِيَ مِنَ الرِّبٰوٓا إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ۝

280. Dan jika kamu tidak berbuat *demikian*, maka awaslah terhadap perang dari Allah dan Rasul-Nya; dan jika kamu *bertaubat dari memakan wang bunga*, maka kerugian tidak seberapa kerana untuk kamu pokok hartamu; dengan demikian kamu tidak akan menganiaya dan tidak pula dianiaya.

فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللّٰهِ
وَرَسُولِهِ ۖ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ
أَمْوَالِكُمْ ۚ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ۝

281. Dan jika orang *yang berhutang* itu dalam kesempitan, maka *berilah dia* tangguh sampai ada kelapangan. Dan *jika* kamu sedekahkan *pula pokok wang pinjaman*, maka *hal itu* lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلٰى مَيْسَرَةٍ ۚ وَ
أَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ۝

282. Dan takutlah kepada hari ketika kamu akan dikembalikan kepada Allah; kemudian setiap jiwa akan diganjar dengan secukupnya apa yang telah diusahakannya, dan mereka tidak akan dianiaya.

وَاتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللّٰهِ ۖ ثُمَّ
تُوَفّٰى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ۝

البقرة : ٢٧٦ - ٢٨٢

al-baqarah: 2
276 . . . . . .282.

## RAMALAN-RAMALAN

Kebanyakan daripada surah-surah awal yang diturunkan, menyatakan berbagai fenomena (kejadian) sebagai bukti dan sokongan kepada ajaran dan undang-undang Al-Quran. Beberapa ayat daripadanya pula, mengandungi ramalan-ramalan yang telah menjadi kenyataan dari abad ke abad. Kadangkala maksudnya jelas dan terang, kadangkala hanya sebagai kiasan, dan kadangkala pula, kedua-duanya sekali. Seperti yang sudah diterangkan, nama kitab suci ini sahaja sudah merupakan satu ramalan yang besar, yang menjadi kenyataan di sepanjang zaman. Wahyu yang pertama sahaja sudah mengkhabarkan kedatangan zaman ilmu pengetahuan, yang mana perkembangan atau kemajuannya telah dihasilkan melalui mata pena atau buku (96: 4—6).

## KHABAR-KHABAR GHAIB DI DALAM ALQURAN

20. Dia telah membuat kedua lautan mengalir. Keduanya akan bertemu *pada suatu hari.*

مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيٰنِ ۝

21. Di antara keduanya *kini* ada perbatasan; keduanya tidak dapat saling berlanggaran.

بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَّا يَبْغِيٰنِ ۝

الرحمٰن : ٢٠-٢١

ar-rahman: 55
20 dan 21

34. Hai golongan jin dan manusia! Andaikata kalian memiliki kekuatan untuk menembus batas-batas seluruh langit dan bumi, maka

يٰمَعْشَرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ إِنِ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ
تَنْفُذُوْا مِنْ أَقْطَارِ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوْا

tembusilah *batas-batas* itu. Namun kamu tidak dapat menembusinya kecuali dengan kekuasa-an.

لَا تَنْفُذُوْنَ إِلَّا بِسُلْطٰنٍ ۝

35. Maka, dari antara nikmat-nikmat Tuhan kalian, yang manakah akan kalian berdua ingkari?

فَبِأَيِّ اٰلَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبٰنِ ۝

36. Akan dikirimkan kepada kalian berdua nyala api dan leburan tembaga, maka kalian berdua tidak akan dapat menolong diri kalian sendiri.

يُرْسَلُ عَلَيْكُمَا شُوَاظٌ مِّنْ نَّارٍ وَّنُحَاسٌ فَلَا تَنْتَصِرٰنِ ۝

الرحمٰن : ٣٤-٣٦

ar-rahman: 55
34, 35 dan 36.

2. Apabila Langit pecah,

إِذَا السَّمَآءُ انْشَقَّتْ ۝

3. Dan mendengarkan kepada Rabnya — dan *hal itu* wajib baginya.

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ۝

4. Dan apabila bumi dihamparkan,

وَإِذَا الْأَرْضُ مُدَّتْ ۝

5. Dan melontarkan keluar *segala* yang terkandung di dalamnya, dan *nampaknya* menjadi kosong.

وَأَلْقَتْ مَا فِيْهَا وَتَخَلَّتْ ۝

6. Dan mendengarkan kepada Rab-nya dan *hal itu* wajib baginya.

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ۝

الانشقاق : ٢-٦

in-syiqaq:84
2 . . . . . . . . 6

5. Dan apabila unta-unta betina, bunting sepuluh bulan, ditinggalkan.

وَإِذَا الْعِشَارُ عُطِّلَتْ ۝

التكوير : ٥

at-takwir: 81
5

11. Dan apabila buku-buku disebarkan *secara meluas.*

وَإِذَا الصُّحُفُ نُشِرَتْ ۝

12. Dan apabila langit dijadikan terbuka.

وَإِذَا السَّمَاءُ كُشِطَتْ ۝

at-takwir: 81
11 dan 12.

التكوير : ١١ - ١٢

2. Apabila bumi digoncangkan *dengan sehebat-hebat* goncangnya.

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ۝

3. Dan bumi akan mengeluarkan segala bebannya.

وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ۝

4. Dan manusia akan berkata, "apakah yang telah terjadi dengannya".

وَقَالَ الْإِنْسَانُ مَا لَهَا ۝

5. Pada hari itu bumi akan mencetrakan segala khabarnya.

يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا ۝

6. Rab engkau telah memerintahkannya.

بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَى لَهَا ۝

7. Pada hari itu manusia-manusia akan keluar dalam golongan-golongan terpisah supaya kepada mereka dapat diperlihatkan *akibat* amal mereka.

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ ۝

8. Kemudian barangsiapa yang berbuat kebaikan seberat zarrah sekalipun, nescaya ia akan menyaksikannya.

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۝

9. Dan barangsiapa yang berbuat kejahatan seberat zarrah sekalipun, nescaya ia akan menyaksikannya *pula.*

وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۝

الزلزال : ٢ - ٩

az-zilzal: 99
2 . . . . . . . 9

**106. Dan mereka bertanya kepada engkau mengenai gunung-gunung. Maka katakan,**

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ الْجِبَالِ فَقُلْ يَنْسِفُهَا

ربي نسفا ۝

"Rab ku akan menghancurkannya hingga berkeping-keping dan menghamburkannya bagaikan debu.

فيذرها قاعا صفصفا ۝

107. "Maka akan meninggalkannya sebagai tanah datar yang gersang, rata.

لا ترى فيها عوجا ولا أمتا ۝

108. "Tidak akan kau lihat di dalamnya landaian dan tidak pula tanjakan."

طه : ١٠٦ - ١٠٨

Ta-Ha: 20
106, 107 dan 108.

وإذا وقع القول عليهم أخرجنا لهم
دابة من الأرض تكلمهم أن الناس
كانوا بآياتنا لا يوقنون ۝

83. Dan apabila keputusan ditetapkan terhadap mereka. Kami akan mengeluarkan bagi mereka serangga dari bumi, yang akan melukai mereka, disebabkan manusia tidak yakin atas tanda-tanda keagungan Kami.

النمل : ٨٣

an-namal: 27
83

فإذا برق البصر ۝

8. Apabila penglihatan silau.

وخسف القمر ۝

9. Dan bulan bergerhana.

وجمع الشمس والقمر ۝

10. Dan matahari dan bulan dikumpulkan.

القيمة : ٨ - ١٠

al-qiamah: 75
8, 9 dan 10.

## PEMERHATIAN TENTANG KEJADIAN-KEJADIAN ALAM

Satu sifat yang menarik tentang Al-Quran ialah bahawa, walaupun ianya berumur sudah 1,400 tahun, ia tidak menyebut sesuatu mengenai kejadian-kejadian alam yang telah didapati salah melalui penyelidikan atau kajian. Banyak ayat-ayat memberi petunjuk kepada penemuan-penemuan saintifik masa kini, sedangkan yang lain-lainnya pula menunjuk kepada fenomena-fenomena yang masih menunggu penyelidikan. Dalam terjemahan ini, beberapa ayat sahaja yang dipilih untuk menggambarkan beberapa pengertian tentang alam yang ditunjuk dengan begitu banyak sekali di dalam Al-Quran.

---

## HUBUNGAN ALLAH DENGAN ALAM SEKITAR (SAINS)

30. Dan dari tanda-tanda keagungan-Nya adalah penciptaan seluruh langit dan bumi, dan *penciptaan* segala makhluk hidup yang telah disebarkan-Nya di dalam keduanya. Dan Dia berkuasa menghimpunkan mereka *semua* bilamana Dia menghendaki. asy-syura: 42 30

وَمِنْ اٰيٰتِهٖ خَلْقُ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ وَمَا بَثَّ
فِيْهِمَا مِنْ دَآبَّةٍ ۚ وَهُوَ عَلٰى جَمْعِهِمْ اِذَا يَشَآءُ
قَدِيْرٌ ۝

الشّورٰى : ٣٠

99. Dan Dialah yang telah menjadikan kamu dari jiwa yang satu, kemudian *bagimu* adalah tempat sementara dan tempat tinggal yang tetap. Sesungguhnya telah Kami jelaskan tanda-tanda keagungan Kami bagi orang-orang yang mengerti. al-anam: 6 99

وَهُوَ الَّذِيْٓ اَنْشَاَكُمْ مِّنْ نَّفْسٍ وَّاحِدَةٍ
فَمُسْتَقَرٌّ وَّمُسْتَوْدَعٌ ۗ قَدْ فَصَّلْنَا الْاٰيٰتِ
لِقَوْمٍ يَّفْقَهُوْنَ ۝

الانعام : ٩٩

2. Wahai manusia! bertakwalah kepada Rabmu yang menjadikan kamu dari jiwa yang satu dan dari jenis itu Dia jadikan jodohnya dan mengembang-biaklah dengan banyaknya dari keduanya laki-laki dan perempuan *di-dunia ini*, dan bertakwalah pula kepada Allah, kerana dengan nama-Nya kamu saling meminta dan *jagalah pula kewajibanmu* terhadap kaum-kerabat. Sesungguhnya Allah adalah pengawas di atas kamu.

يٰٓاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ مِّنْ نَّفْسٍ وَّاحِدَةٍ وَّخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيْرًا وَّنِسَآءً ۚ وَاتَّقُوا اللّٰهَ الَّذِيْ تَسَآءَلُوْنَ بِهٖ وَالْاَرْحَامَ ۗ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا ۝

النسآء : ٢

an-nisak: 4
2

7. Dia-lah yang memberi bentuk di dalam kandung, sebagaimana yang Dia kehendaki: Tak ada yang patut disembah melainkan Dia, Maha Perkasa, Maha Bijaksana.

هُوَ الَّذِيْ يُصَوِّرُكُمْ فِى الْاَرْحَامِ كَيْفَ يَشَآءُ ۗ لَآ اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ ۝

آل عمران : ٧

ali-imran: 3
7

20. Tidakkah engkau lihat, bahawa Allah menjadikan seluruh langit dan bumi ini dengan hak?(hikmah) Jika Ia mahu Dia dapat memusnahkan kamu dan mendatangkan makhluk yang lain.

اَلَمْ تَرَ اَنَّ اللّٰهَ خَلَقَ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ بِالْحَقِّ ۗ اِنْ يَّشَاْ يُذْهِبْكُمْ وَيَاْتِ بِخَلْقٍ جَدِيْدٍ ۝

ابراهيم : ٢٠

Ibrahim: 14
20

6. Wahai manusia! jika kamu di dalam keragu-raguan mengenai kebangkitan kembali, maka *ingatlah bahawa* Kami sungguh telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari sepotong daging, sebahagian telah berbentuk dan sebahagian lagi belum berbentuk, supaya Kami dapat memperlihatkan *kekuasaan Kami* kepadamu. Dan Kami

يٰٓاَيُّهَا النَّاسُ اِنْ كُنْتُمْ فِيْ رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَاِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَّغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۗ وَنُقِرُّ فِى الْاَرْحَامِ مَا نَشَآءُ اِلٰٓى اَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوْٓا اَشُدَّكُمْ ۚ

menyebabkan apa yang Kami kehendaki, supaya tetap di dalam Rahim sampai masa yang telah ditentukan; kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian *Kami memelihara kamu* supaya kamu mencapai kedewasaanmu. Dan di antara kamu ada yang diwafatkan *secara wajar* dan sebahagian dari kamu ada yang dipanjangkan umurnya hingga pikun, *yang akibatnya* mereka tidak mengetahui lagi sedikit pun setelah *mereka mempunyai* pengetahuan *sebelum itu.* Dan engkau melihat bumi kering-gersang, tetapi apabila Kami turunkan air di atasnya, *ia menjadi* hidup dan berkembang dan menumbuhkan segala macam tumbuh-tumbuhan yang indah permai.

وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰ
أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِن بَعْدِ عِلْمٍ
شَيْئًا ۚ وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا
أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَ
أَنبَتَتْ مِن كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ○

الحج: ٦

al-haj: 22
6

89. Dan engkau melihat gunung-gunung terpacak kukuh-kuat, berlalu bagaikan berlalunya awan. Itulah karya Allah Yang telah menjadikan segala sesuatu sempurna. Sesungguhnya Dia mengetahui segala yang kamu kerjakan.

وَتَرَى الْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِيَ
تَمُرُّ مَرَّ السَّحَابِ ۚ صُنْعَ اللَّهِ الَّذِي أَتْقَنَ
كُلَّ شَيْءٍ ۚ إِنَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَفْعَلُونَ ○

النمل : ٨٩

an-namal: 27
89.

9. Dan Dia *telah menciptakan* kuda, bagal dan keldai, supaya kamu dapat menungganginya dan juga *sebagai sumber* keindahan. Dan Dia akan menciptakan apa yang *masih* belum kamu ketahui.

وَالْخَيْلَ وَالْبِغَالَ وَالْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوهَا وَزِينَةً ۚ
وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ○

النحل: ٩

an-nahal: 16
9

2. Maha Berkatlah Dia, Yang di tangan-Nya ada Kerajaan dan Dia mempunyai Kekuasaan atas segala sesuatu;

تَبٰرَكَ الَّذِيْ بِيَدِهِ الْمُلْكُ ز وَهُوَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ ۝

3. Yang mencipta kematian dan kehidupan, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang terbaik amalnya; dan Dia Maha perkasa, Maha Pengampun.

الَّذِيْ خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيٰوةَ لِيَبْلُوَكُمْ اَيُّكُمْ اَحْسَنُ عَمَلًا ط وَهُوَ الْعَزِيْزُ الْغَفُوْرُ ۝

4. Yang telah menciptakan tujuh petala langit dengan serasi. Engkau tidak akan melihat ketidakpantasan di dalam penciptaan Allah Yang Maha Pemurah. Oleh kerana itu pandanglah lagi! Adakah engkau melihat sesuatu cacat?.

الَّذِيْ خَلَقَ سَبْعَ سَمٰوٰتٍ طِبَاقًا ط مَا تَرٰى فِيْ خَلْقِ الرَّحْمٰنِ مِنْ تَفٰوُتٍ ط فَارْجِعِ الْبَصَرَ لا هَلْ تَرٰى مِنْ فُطُوْرٍ ۝

الملك : ٢-٤

al-muluk: 67
2, 3 dan 4

## BEBERAPA DOA YANG DIAJAR DALAM AL-QURAN

Doa merupakan perhubungan dinamik di antara Allah dengan orang yang bertakwa. Keagungan Allah swt mula-mula menarik seseorang itu kepadaNya. Orang itu menyambut tarikan ini dengan rasa kesyukuran dan keikhlasan dan Allah swt merapatkan diriNya dengan orang itu. Sewaktu berdoa, perhubungan ini membangkitkan satu ketinggian nilai yang tersendiri, dan membawanya pula kepada suatu kesudahan yang teristimewa. Mereka-mereka yang berpengetahuan tentang pengalaman-pengalaman dan kejayaan-kejayaan kerohanian tahu, dan tahu dari pengalaman yang sudah dilalui, bahawa seseorang yang paling sempurna keimanannya, dapat memiliki beberapa kekuatan melalui doa.

---

## DOA-DOA DI DALAM ALQURAN

87. Dan apabila hamba-hamba Ku bertanya kepada engkau *wahai Muhammad* tentang Aku, maka *jawablah* "Sesungguhnya Aku dekat" Aku perkenankan doa orang yang memohon apabila ia mendoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka *iaitu orang-orang yang mendoa itupun*, menyahut seruan-Ku dan beriman kepada-Ku, supaya mereka mendapat pertunjuk.

al-baqarah: 2
87

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ۖ
أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ
فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ
يَرْشُدُونَ

البقرة : ١٨٧

202. Dan di antara mereka ada *pula* yang mengatakan "Ya Rabbana! anugerahkanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari siksaan Api Neraka.

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَّقُوْلُ رَبَّنَآ اٰتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَّفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَّقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ○

203. Mereka inilah yang akan beroleh bahagian besar *sebagai pahala* dari apa yang telah mereka usahakan. Dan Allah Mahacepat dalam menghisab.

اُولٰٓئِكَ لَهُمْ نَصِيْبٌ مِّمَّا كَسَبُوْا ۗ وَاللّٰهُ
سَرِيْعُ الْحِسَابِ ○

البقرة : ٢٠٢-٢٠٣

al-baqarah: 2
202 dan 203.

287. Allah tidak membebani seseorang melainkan menurut kekuatannya, baginya *ganjaran* apa yang ia usahakan, dan di atasnya *siksaan* daripada *kejahatan* yang ia perbuat. Dan *mereka berkata* "Ya Rabbana!, janganlah Engkau hukum kami jika kami terlupa atau kami tersalah. Ya Rabbana! dan janganlah Engkau pikulkan atas kami beban seperti yang telah Engkau pikulkan atas orang-orang sebelum kami. Ya Rabbana! janganlah Engkau bebani kami apa yang kami tidak kuat menanggungnya, dan maafkan kami dan ampuni kami dan kasihanilah kami, *kerana* Engkaulah Pelindung kami, maka tolonglah kami terhadap kaum kafir.

لَا يُكَلِّفُ اللّٰهُ نَفْسًا اِلَّا وُسْعَهَا ۗ لَهَا مَا
كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا
تُؤَاخِذْنَآ اِنْ نَّسِيْنَآ اَوْ اَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا
تَحْمِلْ عَلَيْنَآ اِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهٗ عَلَى الَّذِيْنَ
مِنْ قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا
بِهٖ ۚ وَاعْفُ عَنَّا ۗ وَاغْفِرْ لَنَا ۗ وَارْحَمْنَا ۗ
اَنْتَ مَوْلٰىنَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكٰفِرِيْنَ ○

البقرة : ٢٨٧

al-baqarah: 2
287.

191. Sesungguhnya kejadian seluruh langit dan bumi, dan pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda keagungan Allah bagi orang-orang yang berakal.

اِنَّ فِيْ خَلْقِ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ وَاخْتِلَافِ
الَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَاٰيٰتٍ لِّاُولِي الْاَلْبَابِ ○

192. *Iaitu* orang-orang yang ingat kepada Allah, ketika berdiri dan duduk dan ketika

الَّذِيْنَ يَذْكُرُوْنَ اللّٰهَ قِيَامًا وَّقُعُوْدًا وَّعَلٰى

berbaring, dan mereka bertafakur tentang kejadian seluruh langit dan bumi, *sambil berkata*. Ya Rabbana! Tidaklah Engkau jadikan *semua* ini sia-sia, Maha Suci Engkau, ***dari perbuatan yang sia-sia***, maka peliharalah kami dari siksaan Api Neraka.

جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمٰوٰتِ وَ
الْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هٰذَا بَاطِلًا سُبْحٰنَكَ
فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ○

193. Ya Rabbana! sesungguhnya siapa yang Engkau masukan ke dalam api, nescaya Engkau telah hinakan dia. Dan tak ada bagi orang-orang yang membuat aniaya seorang penolongpun.

رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تُدْخِلِ النَّارَ فَقَدْ أَخْزَيْتَهُ
وَمَا لِلظّٰلِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ○

194. Ya Rabbana! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang Penyeru memanggil *kami* kepada keimanan, ***seraya berkata***, bahawa "berimanlah kamu kepada Tuhanmu", maka kami telah beriman. Ya Rabbana! kerana itu ampunilah kami dari dosa-dosa kami dan hapuskanlah segala kejahatan kami dan matikanlah kami dalam golongan orang-orang yang saleh.

رَبَّنَا إِنَّنَا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ
أَنْ آمِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا
ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ
الْأَبْرَارِ ○

195. Ya Rabbana! anugerahkanlah kepada kami apa yang telah Engkau janjikan kepada kami dengan perantaraan Rasul-Rasul Engkau. Dan janganlah Engkau hinakan kami pada Hari Kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak pernah memungkiri janji.

رَبَّنَا وَآتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلٰى رُسُلِكَ وَلَا
تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيٰمَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ
الْمِيعَادَ ○

196. Maka Rab mereka telah memperkenankan doa mereka ***sambil berfirman*** "Bahawasanya Aku tidak akan sia-siakan amalan orang yang beramal dari antaramu, baik laki-laki maupun perempuan. Sebahagian kamu adalah dari sebahagian orang lain. Maka orang-orang yang telah berhijrah dan diusir dari rumah-rumah mereka dan disiksa dalam jalan-Ku, dan mereka bertempur dan terbunuh, nescaya Aku akan menghapuskan dari

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ
عَامِلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثٰى بَعْضُكُمْ مِنْ
بَعْضٍ فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِنْ
دِيَارِهِمْ وَأُوذُوا فِي سَبِيلِي وَقٰتَلُوا وَقُتِلُوا
لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ

*diri* mereka kejahatan mereka dan pasti Aku akan masukkan mereka ke dalam kebun-kebun yang di bawahnya mengalir sungai-sungai, *nikmat ini* sebagai pahala dari Allah, dan di sisi Allah-lah pahala yang sebaik-baiknya.

ali-imran: 3
191 . . . . .196

جَنّٰتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهٰرُ ثَوَابًا
مِّنْ عِنْدِ اللّٰهِ ۗ وَاللّٰهُ عِنْدَهٗ حُسْنُ
الثَّوَابِ ۝

آل عمران : ١٩١-١٩٦

## SURAH-SURAH PENDEK DI DALAM ALQURAN YANG SENANG DIHAFAL

1. *Aku baca* dengan nama Allah, Maha Pemurah, Maha Penyayang.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ۝

2. Katakanlah. Hai orang-orang kafir!

قُلْ يٰٓاَيُّهَا الْكٰفِرُوْنَ ۝

3. Aku tidak menyembah sebagaimana kamu menyembah.

لَآ اَعْبُدُ مَا تَعْبُدُوْنَ ۝

4. Dan kamu tidak akan menyembah sebagaimana aku menyembah.

وَلَآ اَنْتُمْ عٰبِدُوْنَ مَآ اَعْبُدُ ۝

5. Dan aku tidak menyembah *apa* yang kamu sembah.

وَلَآ اَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُّمْ ۝

6. Dan kamu pun tidak akan menyembah Dia yang aku sembah.

وَلَآ اَنْتُمْ عٰبِدُوْنَ مَآ اَعْبُدُ ۝

7. Bagi kamu agamamu, dan bagiku agamaku.

لَكُمْ دِيْنُكُمْ وَلِيَ دِيْنِ ۝

الكٰفرون : ١-٧

al-kafirun: 109
1 . . . . . . . . . 7

1. *Aku baca* dengan nama Allah, Maha Pemurah, Maha Penyayang.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ○

2. Apabila tiba pertolongan Allah dan Kemenangan,

اِذَا جَاۤءَ نَصْرُ اللّٰهِ وَالْفَتْحُ ○

3. Dan engkau melihat orang-orang masuk ke dalam agama Allah dengan berduyun-duyun,

وَرَاَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُوْنَ فِيْ دِيْنِ اللّٰهِ اَفْوَاجًا ○

4. Maka sanjunglah kesucian Allah engkau dengan puji-pujian-Nya dan mohonlah ampun kepada-Nya. Sesungguhnya Dia berulang-ulang kembali dengan rahmat-Nya.

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ اِنَّهٗ كَانَ تَوَّابًا ○

النّصر : ١-٤

an-nasar: 110
1 . . . . . . . . .4

1. *Aku baca* dengan nama Allah, Maha Pemurah, Maha Penyayang.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ○

2. Demi masa,

وَالْعَصْرِ ○

3. Sesungguhnya, manusia *sentiasa* ada dalam *keadaan* merugi,

اِنَّ الْاِنْسَانَ لَفِيْ خُسْرٍ ○

4. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal saleh dan menasihati satu sama lain supaya *menyampaikan* kebenaran, dan menasihati satu sama lain untuk bersabar.

اِلَّا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا وَعَمِلُوا الصّٰلِحٰتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ○

العصر: ١-٤

al-asar: 103
1. . . . . . .4

1. *Aku baca* dengan nama Allah, Maha Pemurah, Maha Penyayang.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ○

2. Katakanlah, Dia-lah Allah, Yang Maha Esa,

قُلْ هُوَ اللّٰهُ اَحَدٌ ○

3. Allah yang tidak bergantung pada sesuatu dan segala sesuatu bergantung pada-Nya.

اَللّٰهُ الصَّمَدُ ۝

4. Dia tidak melahir dan tidak pula Dia dilahirkan.

لَمْ يَلِدْ ۙ وَلَمْ يُوْلَدْ ۝

5. Dan tiada seorang pun menyamai Dia.

وَلَمْ يَكُنْ لَّهٗ كُفُوًا اَحَدٌ ۝

الاخلاص : ١-٥

al-ekhlas: 112
1. . . . . . . . . 5

1. *Aku baca* dengan nama Allah, Maha Pemurah, Maha Penyayang.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ۝

2. Katakanlah, aku berlindung kepada Allah Yang Empunya fajar.

قُلْ اَعُوْذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ۝

3. Dari kejahatan sesuatu yang telah dicipta Nya.

مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝

4. Dari kejahatan kegelapan apabila *kegelapan* itu meliputi,

وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ اِذَا وَقَبَ ۝

5. Dan dari kejahatan mereka yang menghembusi simpul-simpul *perhubungan kedua belah pihak untuk membuka simpul-simpul* itu.

وَمِنْ شَرِّ النَّفّٰثٰتِ فِى الْعُقَدِ ۝

6. Dan dari kejahatan orang dengki apabila ia mendengki.

وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ اِذَا حَسَدَ ۝

الفلق : ١-٦

al-falak: 113
1. . . . . . . . 6

1. *Aku baca* dengan nama Allah, Maha Pemurah, Maha Penyayang.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ۝

2. Katakanlah, aku berlindung kepada Allah manusia,

قُلْ اَعُوْذُ بِرَبِّ النَّاسِ ۝

3. Raja manusia,

مَلِكِ النَّاسِ ۝

4. Sembahan manusia,

اِلٰهِ النَّاسِ ۝

5. Dari kejahatan *bisikan-bisikan* si pembisik sembunyi-sembunyi,

مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ ۙ الْخَنَّاسِ ۖ

6. Yang membisikkan ke dalam hati sanubari manusia,

الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ۙ

7. Dari antara jin dan manusia.

مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ○

an-nas: 114
1. . . . . . .7

الناس: ١-٧